

**Jilid IV
Bil. 17**



**Hari Rabu
2hb April, 1986**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2569]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 2614]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1985 [Ruangan 2614]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun—Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N., (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO² HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 2hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARIKAT TAKAFUL
MALAYSIA SDN. BHD.

1. Tuan Othman bin Abdul minta
Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa perkembangan Syarikat Takaful adalah begitu lembab sekali kerana tidak ada cawangan-cawangan yang aktif seperti syarikat-syarikat insurans lainnya;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membuka cawangan-cawangan Syarikat Takaful selain dari Cawangan Bank Islam dan apakah program-program bagi mengembangkan perniagaan ini demi kepentingan dan kemudahan umat Islam di negara ini; dan
- (c) berapakah jumlah modal sebenar dan modal operasi bagi Syarikat Takaful ini dan jumlah pelanggan setakat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, (a) adalah tidak benar perkembangan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. lembab. Syarikat

ini baru lapan bulan sahaja menjalankan perniagaannya sebagai sebuah syarikat swasta. Perniagaan takaful adalah perniagaan jangka panjang dan oleh itu perkembangannya hendaklah secara beransur-ansur supaya liabiliti yang ditanggung adalah sejajar dengan pertumbuhan asetnya bagi mengelakkan sebarang kerumitan akibat tuntutan-tuntutan yang bakal timbul.

Bagi jawapan kepada (b), sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun memberi kelulusan kepada Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. untuk membuka enam buah cawangan. Empat daripada cawangan-cawangan itu adalah di Kota Bahru, Kuala Terengganu, Kuantan dan Melaka telah pun beroperasi sejak bulan Januari dan Mac tahun ini. Dua cawangan lagi iaitu di Ipoh dan di Alor Setar insya-Allah akan beroperasi mulai bulan Jun depan ini. Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. mempunyai rancangan untuk membuka cawangan-cawangannya di seluruh negara menjelang tiga tahun akan datang ini dan program-program lain bagi mengembangkan perniagaan dan kemudahan umat Islam ialah memberi penerangan dan penjelasan kepada bakal pelanggan di sektor awam dan juga di sektor swasta. Syarikat juga berusaha mendapatkan kemudahan potongan gaji dari majikan masing-masing bagi memudahkan peserta membayar caruman-caruman.

Bagi jawapan (c), Tuan Yang di-Pertua, inginlah dimaklumkan bahawa modal dibenarkan bagi syarikat ini

ialah \$100 juta dan modal operasinya sekarang ialah \$10 juta. Jumlah pelanggan setakat akhir bulan Februari, 1986 ialah:

Takaful Ke- 500 peserta
luarga
Takaful Am . . 2,450 peserta

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dapat terangkan sedikit di Dewan yang mulia ini perbezaan besar antara Syarikat Takaful dengan insurans-insurans yang lain dan adakah Kerajaan bercadang insurans kereta akan diminta masuk ke Syarikat Takaful ini dan adakah Syarikat Takaful ini kepada orang Islam sahaja ataupun dibuka kepada semua orang? Terima kasih.

Dato Sabaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan takaful ini maknanya insurans. Perbezaannya adalah dari segi operasinya. Syarikat Insurans pada kebiasaannya dipunyai oleh satu badan ataupun syarikat di mana segala modalnya, keuntungannya, perjalanan syarikat itu dikelolakan oleh syarikat berkenaan. Syarikat Takaful juga merupakan syarikat yang memberi perlindungan-perindungan sama ada dari segi keluarga ataupun am. Bezanya apabila seseorang itu mendapatkan polisi melalui Syarikat Takaful, selain daripada mendapat perlindungan ia juga menyertai sebahagian daripada perniagaan itu. Ertinya bayaran-bayaran polisi yang dikenakan itu akan diberi keuntungannya kepada peserta-peserta apabila wang yang dikumpulkan sebagai pembayaran polisi itu berlebihan daripada perbelanjaan-perbelanjaan yang digunakan bagi membayar kembali claims, dengan izin, yang telah dibuat oleh pemegang-pemegang polisi Syarikat Takaful. Itu bezanya pada

keseluruhannya di antara Syarikat-syarikat Insurans biasa dengan Syarikat Takaful.

Bagi insurans motor-kereta, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini terletak di bawah Takaful Am ataupun dalam pada kebiasaan pengertian orang ramai dalam general insurance. Ini juga tidak terkeluar daripada bidang yang boleh dijalankan oleh Syarikat Takaful yang ada pada sekarang ini.

Mengenai dengan orang yang boleh menyertai Syarikat Takaful, sebenarnya seperti juga Bank Islam, ia tidak khas ataupun khusus hanya kepada orang-orang Islam sahaja. Mereka yang tidak beragama Islam boleh menyertai Syarikat Takaful ini sebagai pemegang-pemegang polisi sama ada Takaful Keluarga ataupun Takaful Am.

IKAN DARI LUAR NEGERI

2. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapa jumlah kemasukan (import) ikan dari luar negeri pada tahun 1983, 1984 dan 1985; nyatakan jumlah penangkapan yang telah dibuat terhadap nelayan-nelayan asing dan apa jenis hukuman dikenakan dalam tahun 1984 dan 1985.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah ikan yang diimport dan dicatatkan oleh LKIM bagi tahun 1983 ialah sebanyak 71,763 tan metrik. Pada tahun 1984, 95,166 tan metrik dan pada tahun 1985, 111,000 tan metrik. Jumlah penangkapan yang telah dibuat terhadap nelayan-nelayan asing ialah sebanyak 110 orang dalam tahun 1984 dan 899 orang dalam tahun 1985. Jumlah bot-bot asing yang ditangkap pada tahun 1984 ialah 13. Dan pada tahun 1985—77.

Bot-bot tersebut telah dihukum rampas oleh mahkamah dan nelayan-nelayan asing dikenakan denda antara \$100 hingga \$5,000. Nelayan-nelayan asing yang tidak dapat membayar denda sudah atau sedang dipenjarakan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah kita masih lagi mengimport ikan daripada negara jiran kita, terutamanya dari negara Thailand dan adakah kerana kita tidak mengeluarkan cukup ikan, tolong nyatakan berapa banyak ikan yang kita keluarkan untuk negara kita dan apakah langkah kalau pengeluaran kita sendiri tidak cukup untuk kita mengeluarkan cukup ikan.

Kedua, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kemasukan ikan daripada luar ini didapati menjejaskan pasaran ikan tempatan dan juga harga ikan tangkapan daripada nelayan-nelayan asing. Dan untuk tidak menggalakkan import ikan ini tidakkah boleh Kerajaan menimbangkan untuk mengenakan cukai import kepada ikan-ikan yang dibawa masuk daripada luar negeri supaya kita menjaga kepentingan nelayan-nelayan kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan pertama dari Ahli Yang Berhormat itu, jelas sekali kita mengimport ikan kerana nelayan kita tidak menangkap cukup ikan untuk dimakan oleh penduduk-penduduk Malaysia. Dan kenapa tidak ditangkap cukup ikan, salah satu sebabnya ialah nelayan-nelayan kita tidak keluar ke laut dalam atau laut lepas. Misalnya, negara Siam setiap tahun menangkap ikan sebanyak 1.7 juta tan metrik tetapi Malaysia lebih kurang 0.7 juta tan metrik sahaja walaupun laut Malaysia kalau tambah juga Laut China Selatan

dan Laut Sulu dan Laut Sulawesi di Malaysia Timur walaupun laut kita lebih besar. Jadi langkah kita hendak ambil untuk mencapai self-sufficiency, dengan izin, atau keperluan negara ialah menggalakkan nelayan menangkap ikan di laut lepas, terutama sekali di Laut China Selatan tetapi setakat ini nampaknya sambutan oleh nelayan kita terutama sekali di pantai timur tidak begitu menggalakkan. Ada nelayan yang mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai bot yang mencukupi atau sebab-sebab lain.

Jadi salah satu langkah yang telah dicadangkan ialah kerjasama dengan nelayan-nelayan Siam dan mengikut rancangan ini nelayan Malaysia boleh menggunakan bot Siam dan pengalaman Siam, tetapi setakat ini cadangan seperti ini ditentang oleh nelayan-nelayan, terutama sekali di pantai timur.

Jadi saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah pujuk-pujuk nelayan di kawasan-kawasan mereka supaya bekerjasama dengan Kerajaan untuk meningkatkan penangkapan ikan kerana ikan yang kita cadangkan untuk ditangkap secara usaha sama ialah ikan dilaut lepas bukan diperairan pantai dan tidak sama sekali menjejaskan kepentingan nelayan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya menyekat import dan sebagainya, Kerajaan bukan sahaja hendak bertanggungjawab bagi kepentingan nelayan, orang yang menangkap ikan, Kerajaan juga bertanggungjawab bagi pengguna, orang yang memakan ikan. Jadi Kerajaan haruslah menentukan supaya bekalan ikan mencukupi kerana kalau tidak, harga ikan akan meningkat. Jadi dalam perkara ini Kerajaan mengambil suatu sikap yang seimbang, dan cadangan Ahli Yang

Berhormat itu adalah cadangan yang membina dan boleh ditimbangkan.

ASRAMA DI SEKOLAH SRK TAWAU/EMPELAM

3. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa SRK Tawau dan SRK Empelam di Daerah Lubok Antu belum dapat kemudahan dan asrama penuh seperti terdapat di sekolah-sekolah lain. Apakah cadangan dan tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah di dua-dua sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah pun menerima permohonan dari pihak SRK Empelam supaya membina asrama untuk menampung murid-murid sekolah tersebut. Setakat ini permohonan tersebut sedang dipertimbangkan oleh Kementerian ini. Bagi Sekolah Rendah Kerajaan Tawau pula, Kementerian ini belum menerima apa-apa permohonan keperluan asrama dari sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian sekiranya sekolah ini benar-banar memerlukan asrama seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

ROMPAKAN DI JALAN RAYA

4. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang jumlah rompakan-rompakan yang berlaku di jalan-jalan raya (highway robbery) pada tahun 1980 hingga 1985. Apakah langkah pihak berkuasa untuk meyakinkan orang ramai supaya jalan-jalan raya dan lebuhraya adalah selamat pada tiap waktu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan

Yang di-Pertua, jumlah rompakan yang berlaku di jalan-jalan raya dan di lebuhraya bagi tempoh 6 tahun iaitu antara tahun 1980 hingga tahun 1985 ialah sebanyak 33 kes. Perangkaan itu jelas menunjukkan bahawa rompakan di jalan-jalan raya dan di lebuhraya adalah kecil jumlahnya iaitu kurang dari 1% jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kes rompakan bersenjata.

Sungguhpun bilangan rompakan itu kecil dan terkawal, pihak berkuasa telah dan akan terus berusaha untuk memastikan yang jalan-jalan raya serta lebuhraya dan penggunaan-penggunaannya adalah selamat daripada kejadian rompakan dan samun. Beberapa langkah telah diambil antaranya ialah mengadakan rondaan selama 24 jam oleh kereta ronda polis di sepanjang lebuhraya yang sering menjadi sasaran, menubuhkan satu unit khas peronda lebuhraya dan mengadakan sekatan dan pemeriksaan mengejut di tempat yang menjadi sasaran.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa satu daripada langkah yang akan diambil ialah mengadakan rondaan 24 jam. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini berapa banyakkah kenderaan rondaan yang diperuntukkan untuk tugas-tugas ini dan sama ada kereta-kereta peronda itu mencukupi dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi memandangkan lebuhraya kita bertambah panjang.

Yang kedua, saya ingin bertanya mengenai perondaan lebuhraya tadi berapa jumlah pegawai-pegawai yang ditugaskan pada masa kini dan adakah jumlah pegawai-pegawai itu mencukupi.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah amat sukar bagi pasukan polis dan Lembaga Lebuhraya untuk mengawal semua lebuhraya-lebuhraya dan juga jalan raya-jalan raya yang terdapat di negara kita, kerana panjangnya lebuhraya itu ialah lebih kurang 22,000 km di Semenanjung Malaysia sahaja. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bilangan kereta peronda lebuhraya polis adalah sebanyak 35 buah di mana bilangan anggotanya lebih kurang 210 orang dan baru-baru ini tertubuh pula satu pasukan khas peronda lebuhraya yang mana dikelolakan oleh Lembaga Lebuhraya dianggotai oleh pasukan polis sebanyak 5 buah, bilangan anggotanya adalah lebih kurang 20 dan memanglah diakui bahawa angka ini tidak begitu mencukupi. Walau bagaimanapun, jika rondaan yang dijalankan oleh peronda lebuhraya yang mempunyai 5 buah kereta ini berjaya kelak, insya Allah, jika terdapatnya wang yang lebih kita akan menambahkan bilangan itu dan juga bilangan kakitangan yang menjadi anggotanya.

PUSAT KRISIS WANITA

5. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memberi peruntukan untuk membolehkan pertubuhan-pertubuhan wanita di Sarawak untuk menubuh, mengendalikan dan menyelenggara sebuah Pusat Krisis Wanita untuk membantu wanita yang memerlukan bantuan yang menderita dipukul atau ditinggalkan oleh suami mereka atau dirogol.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya belum lagi menerima apa-apa permohonan berhubung dengan Pusat

Krisis Wanita yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sukalah saya menjelaskan bahawa pada dasarnya bantuan kewangan yang diberi oleh Kementerian saya kepada sesuatu badan kebajikan di pertubuhan sukarela adalah, di antara lain, tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (a) tujuan dan aktivitinya tertumpu kepada sesuatu perhidmatan kebajikan yang diperlukan oleh masyarakat;
- (b) kemampuan pertubuhan berkenaan untuk merancang, melaksana dan menyelenggarakan segala perkhidmatan yang dicadangkan; dan
- (c) keupayaan pertubuhan berkenaan mengumpulkan wangnya sendiri secara bantuan kewangan yang diberi oleh Kementerian merupakan, dengan izin, "partial grant" sahaja.

Justeru itu, Kementerian saya bersedia menimbangkan permohonan bagi membantu Pusat Krisis Wanita yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jika ianya mengemukakan permohonan secara rasmi dan memenuhi syarat-syarat yang saya nyatakan itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi di seluruh negara kita banyak pertubuhan-pertubuhan wanita telah mengeluarkan kenyataan di suratkhbar secara rasmi, secara terbuka, yang merayu kepada pihak Kerajaan untuk menubuhkan Pusat Krisis Wanita supaya memberi bantuan kepada wanita-wanita yang telah diserang oleh lelaki-lelaki

mereka yang jadi mabuk ataupun mangsa-mangsa rogol dan sebagainya. Soalan saya ialah jikalau pihak Kerajaan belum memberi apa-apa permohonan rasmi kenapa pihak Kerajaan tidak mengambil, dengan izin, initiative untuk menjemput pertubuhan-pertubuhan wanita itu supaya mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan Pusat Krisis Wanita itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, tentang semua yang disebutkan dalam suratkhbar itu tidak bolehkah kita ambil tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pertubuhan badan sukarela yang dibantu oleh Kementerian saya adalah 68 buah di negara ini iaitu Pertubuhan Sukarela Peringkat Kebangsaan—13, Pertubuhan Sukarela Keluarga dan Kanak-kanak—15, Pertubuhan Sukarela Orang Tua—6, Pertubuhan Sukarela Akhlak—6 dan Pertubuhan Sukarela Orang Cacat—28 dan peruntukannya adalah sebanyak \$3,788,700. Sekiranya permohonan rasmi disampaikan kepada Kementerian saya dari Sarawak seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita boleh menimbangkan sekiranya syarat-syarat yang dikatakan tadi dipatuhi.

DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT—KAJIAN

6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kemajuan dan hasil yang diperolehi dalam kajian yang dibuat untuk mengeluarkan minyak diesel daripada minyak kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, semenjak projek diesel minyak kelapa sawit dimulakan pada bulan Julai 1982, PORIM telah mencapai

kemajuan di dalam aspek pemerosesan dan penilaian bahan api tersebut. Ini termasuklah proses penukaran minyak kelapa sawit mentah, stearin mentah, minyak enapcemar dan sulingan asid lemak sawit kepada diesel yang berjaya dihasilkan di peringkat makmal.

Ke arah penyelidikan itu, sebuah loji rintis atau "pilot plant" telah dibina di ibu pejabat PORIM. Loji rintis ini memulakan operasinya pada bulan Oktober, 1985 dan sehingga ini bahan api yang dihasilkan itu digunakan di dalam ujian lasak kenderaan-kenderaan tempatan. Hasil kajian sehingga ini menunjukkan bahawa diesel minyak kelapa sawit mempunyai ciri-ciri yang bermutu sangat baik.

Walaupun penyelidikan dan ujian tambahan akan terus dijalankan, hasil-hasil yang tercapai menunjukkan kemungkinan yang baik bagi mengeluarkan diesel dari minyak kelapa sawit secara besar-besaran sekiranya dikehendaki.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama tadi, mutu minyak diesel ini sangat baik. Apakah keistimewaan minyak diesel daripada diesel kelapa sawit ini diperbezaannya?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagi menguji diesel kelapa sawit ini apakah jenis kenderaan yang digunakan?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian ciri-ciri keistimewaan diesel minyak kelapa sawit yang telah dikenalpasti termasuk antara lain, mesin mudah dihidupkan serta berjalan lancar tanpa knocking, paras pengeluaran carbon monoxide, nitrogen oxide, sulphur

dioxide serta habuk carbon saluran exhaust yang amat rendah dan penggunaan minyak pelincir lebih lama dari tempoh yang sepatutnya ianya ditukarkan.

Jenis-jenis kereta yang telah pun diuji ialah Volvo, Datsun, Toyota, Isuzu, Ford, Cycle and Carriage Bintang Berhad dan Hino.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, adakah benar kos pengeluaran minyak diesel melalui kelapa sawit ini tinggi jika kita bandingkan dengan pengeluaran minyak diesel biasa yang diadakan ataupun yang telah dikeluarkan oleh PETRONAS sekarang ini. Dan jika sekiranya kosnya tinggi, apakah kita akan terus mengeluarkan minyak ini ataupun formula ini disimpan untuk digunakan apabila kehabisan minyak yang dikeluarkan oleh PETRONAS nanti barulah ianya dikeluarkan sebagai bahan gantian kepada pengeluaran yang tulin sekarang ini?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentang mahal dan murah nya harga minyak diesel kelapa sawit ini terpulanglah kepada harga c.p.o. minyak kelapa sawit itu sendiri dan juga harga minyak di dunia. Kalau sekiranya harga minyak di dunia pada masa dahulu iaitu pada tahun 1983 ialah US\$36 satu tong dan dengan keadaan harga minyak yang sedemikian jikalau sekiranya harga c.p.o. kelapa sawit ialah \$800 setan ke bawah, adalah menguntungkan minyak diesel dihasilkan daripada minyak kelapa sawit. Tetapi dengan keadaan hari ini, sungguhpun harga minyak kelapa sawit pada hari ini ialah \$600 satu tan, tetapi harga minyak di pasaran dunia pada hari ini sudah

jatuh kepada US\$9.6 satu tong, maka ini tentulah tidak menguntungkan kalau kita menghasilkan minyak kelapa sawit untuk ditukarkan kepada minyak diesel kerana harga minyak di dunia adalah begitu murah.

SENI UKIRAN KAPAL ZAMAN SILAM

7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh mana kesedaran Kerajaan bahawa di masa yang silam zaman penjajah dahulu didapati ramai pakar-pakar terdiri dari orang-orang Melayu yang berkebolehan seperti membuat kapal-kapal besar dan kapal-kapal layar tetapi sejak Merdeka pada tahun 1957 hingga sekarang ini pakar-pakar seperti ini bukan sahaja telah lenyap begitu sahaja, kebolehan-kebolehan tersebut tidak diperkembangkan dan usaha-usaha ke arah itu terus hilang; apakah sebab-sebab yang demikian dan adakah Kerajaan sedar akan hakikat ini, dan ingin ia dipupuk semula, jika ya, apakah cara-cara dan usaha Kerajaan ke arah yang tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan industri kraf, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang berusaha untuk memupuk dan memperkembangkan seni ukiran kayu agar penggunaan rekabentuk dan rekacorak tradisional yang beridentitikan keperibumian dapat dikekalkan. Kementerian juga memang berusaha untuk menghidupkan kembali hasil-hasil seni kraf lama yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan tempatan dan usaha memelihara seni warisannya.

Motif-motif ukiran yang telah dibuat di kapal-kapal, yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat, adalah digunakan dalam seni ukiran tempatan yang mengeluarkan kapal-kapal layar kecil sebagai perhiasan sahaja. Penghasilan barang-barang kraf tersebut diberi galakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, manakala kapal-kapal besar yang diperbuat daripada kayu tidak lagi dibuat memandangkan tiadanya permintaan sekarang.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Limbongan Timur Sendirian Berhad, sebuah anak syarikat MARA membuat kapal-kapal moden daripada aluminium, besi dan fibre glass, tetapi bukan daripada kayu.

GURU-GURU SANDARAN— KURSUS DALAM MASA CUTI

8. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru sementara (mengikut jenis sekolah) yang telah dipilih dan berdaftar dalam kursus latihan semasa cuti mulai November, 1985. Apakah pengambilan yang dirancang bagi 1986 dan 1987. Adakah beliau sedar bahawa ramai guru sementara, khususnya mereka dari sekolah-sekolah rendah SRJK (C), yang telah dipilih untuk kursus tersebut tidak diberi notis lebih awal dan akibatnya mereka lewat melaporkan diri sebanyak 3-4 minggu dan ada juga yang tidak dapat menghadiri kursus tersebut sama sekali. Apakah sebab-sebab bagi kelambatan ini. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah perkara ini daripada berlaku pada masa hadapan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru sandaran yang telah ditawarkan untuk mengikuti kursus pergeruan asas dalam masa cuti bagi pengambilan

bulan November, 1985 adalah seperti berikut:

	<i>Ditawarkan (orang)</i>	<i>Mendaftar (orang)</i>
(1) Sekolah Kebangsaan	670	550
(2) SRJK (Cina) ..	308	228
(3) SRJK (Tamil) ..	160	126
(4) Sekolah Menengah	114	41
	<hr/> 1,252	<hr/> 945

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan yang dirancang bagi tahun 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

	<i>1986 (orang)</i>	<i>1987 (orang)</i>
(1) Sekolah Kebangsaan (Pengajian Melayu)	508	583
(2) SRJK (PC) ..	175	155
(3) SRJK (PT) ..	83	—
(4) SRJ (PT) ..	175	68
(5) SR (PA) ..	129	—
(6) Sekolah Menengah	130	63
	<hr/> 1,200	<hr/> 896

Angka-angka bagi tahun 1987 itu adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan bilangan sebenar yang layak yang masih belum diberikan latihan. Surat-surat tawaran lewat sampai kepada guru-guru sandaran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ada disebabkan masalah berikut:

- (1) ramai antara guru-guru sandaran yang telah bertukar alamat masing-masing;
- (2) ketika surat-surat tawaran hendak diposkan (31hb Oktober, 1985) sistem poskod mula dilaksanakan. Ini menyebabkan surat-surat lambat dikeluarkan untuk dipastikan poskod berkenaan.

Walaupun tarikh melapor diri ialah pada 17hb November, 1985 di maktab-maktab pusat kursus berkenaan, tetapi pendaftaran masih terus diterima selepas tarikh tersebut bagi mereka yang mempunyai sebab-sebab yang munasabah.

Langkah-langkah yang dijalankan sekarang supaya tidak berlaku kelewatan di masa depan ialah:

- (1) borang-borang permohonan baru (BPG3) telah dikeluarkan pada akhir Januari, 1986 dan tarikh tutup pada 31hb Mac, 1986;
- (2) borang-borang diproses lebih cepat dengan menggunakan komputer; dan
- (3) tawaran dijangka dikeluarkan pada pertengahan Mei, dan kursus dimulakan pada minggu ketiga bulan Jun, 1986.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya terdapat lebih daripada 2,500 orang guru sandaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan nampaknya dari angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cuma 300 sahaja ditawarkan bagi tahun 1985 dan lebih daripada 100 sahaja bagi tahun 1986 dan 1987. Adakah ini bermakna bahawa di antara lebih daripada 2,500 orang guru sandaran di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ini kebanyakan daripada mereka ini tidak mempunyai kelayakan ataupun adakah ini kerana kekurangan kemudahan bagi pihak Kerajaan untuk memberi kursus latihan semasa cuti kepada mereka ataupun apakah sebabnya bilangan begitu kecil yang akan dilatih itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita hendak melatih ramai daripada jumlah ini, namun demikian, sebagaimana

Ahli Yang Berhormat telah sebutkan, kita juga melihat banyak faktor:

- (1) kita mengkaji juga dari segi kelayakan; dan
- (2) kita memandang juga tempat yang ada pada kita kerana di samping kita memerlukan mereka ini, kita juga memerlukan mereka daripada jurusan lain untuk dilatih untuk sekolah-sekolah yang telah saya sebutkan tadi.

Oleh kerana itu di samping kita memandang berat akan hakikat perlunya kita mengambil mereka ini, namun kita juga harus mempertimbangkan akan keperluan di tempat-tempat dan jenis-jenis sekolah yang lain ataupun jurusan-jurusan yang lain bagi mereka ini. Namun demikian, kita terus berusaha untuk memperbanyakkan di masa akan datang akan jumlah yang kita ambil supaya dapat kita menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang.

PERPADUAN NASIONAL

9. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Perpaduan Nasional sedang tergugat oleh tindak-tanduk parti-parti Pembangkang. Adakah Kerajaan akan terus mengamalkan dasar liberal dan terbuka seperti sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, dasar liberal dan terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang tidak bermakna tindak-tanduk individu-individu atau kumpulan-kumpulan, termasuk ahli-ahli parti Pembangkang yang menggugat perpaduan nasional akan dibiarkan. Sekiranya terdapat cukup bukti-bukti bahawa kegiatan seseorang itu melanggar undang-undang negara yang sedia ada, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa perpaduan nasional sekarang ini menjadi tercemar, bukan lagi di bandar-bandar, tetapi lebih jelasnya kelihatan di luar bandar, adakah pihak Jabatan Perdana Menteri bermaksud untuk membuat satu kajian ilmiah dengan menggunakan pakar-pakar sosiologi dan psikologi untuk mencari sebab-musabab dan punca-punca daripada permusuhan dan perpecahan yang terdapat di kawasan luar bandar sekarang dan merumuskan suatu formula yang boleh diselesaikan menurut jangka pendek dan jangka panjang. Kalau ada, bilakah satu pasukan seperti ini akan dibentuk dan kalau tidak, mengapa tidak?

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu ada satu kajian mendalam dengan pakar-pakar untuk menganalisis dengan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Masalah yang kita menghadapi sekarang ialah oleh kerana ada kumpulan-kumpulan tertentu dan oleh kerana untuk politik diri mereka sendiri menggunakan propaganda dan menggunakan taktik-taktik yang boleh menarik sokongan dari kumpulan-kumpulan tertentu. Sekarang ada undang-undang di dalam negara yang cukup untuk mengawal dan menstabilkan situasi-situasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan Kerajaan haraplah kumpulan-kumpulan yang sentiasa menggunakan isu-isu sensitif mengambil perhatian oleh kerana kita sentiasa harus mengamalkan undang-undang yang sedia ada dan memberikan kepentingan nasional sebelum kita memberikan kepentingan diri kita sendiri.

PAMERAN ALATAN TENTERA

10. Tuan Yahya bin Haji Zakaria
 minta Menteri Pertahanan

menyatakan apakah tujuan sebenar pameran Alatan Tentera yang terbesar di negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, industri pameran adalah satu industri termuda di negara ini. Dengan terbinanya Pusat Dagangan Dunia Putra adalah diramalkan bahawa industri ini akan berkembang dengan lebih pesat lagi, hinggalah Kuala Lumpur berkemungkinan menjadi pusat pameran yang terkemuka di rantau ini. Manfaat yang dicapai ekoran dari sebarang pameran ialah bahawa ianya akan mendatangkan "invisible income" akibat dari kedatangan peserta-peserta (exhibitors), dengan izin, pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong asing ke negara ini. Atas hakikat ini, industri pameran mendapat galakan dari Kerajaan.

Pameran alat kelengkapan ketenteraan adalah satu daripada berbagai jenis pameran yang diusahakan oleh pihak swasta. Selain dari manfaat yang diperolehi seperti saya sebut tadi ianya juga akan membolehkan anggota-anggota tentera mengikuti perkembangan teknologi peperangan tanpa memerlukan mereka keluar negeri. Di samping itu pameran ini juga membuka peluang bagi industri pertahanan kita mempamerkan barang-barang buatan kita. Dalam konteks dasar persyarikatan Malaysia beberapa agensi Kerajaan telah diizinkan memberi bantuan sewajarnya kepada penganjur pameran itu.

Adalah diakui bahawa "Pameran Pertahanan 86" yang berlangsung baru-baru ini merupakan suatu pameran pertahanan yang terbesar pernah diadakan di rantau ini dan kesanggupan penyertaan dari 384 syarikat dari 24 negara seluruh dunia

mencerminkan keyakinan mereka terhadap negara kita. Kalaulah Kuala Lumpur diiktiraf sebagai pusat pameran terkemuka di rantau ini, sudah semestilah ianya akan membawa manfaat yang sangat menguntungkan kepada negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok, hendak bangun, tak hendak bangun?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya bagi yang lain dulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau terlepas, terlepaslah. Yang Berhormat dari Bagan Datok.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi, pameran 1986 ini memberi manfaat. Dapatkah Timbalan Menteri memberitahu daripada pameran itu berapakah jumlah wang yang kita perolehi daripada pembeli-pembeli dan sebagainya. Kedua, kita juga dapat menunjukkan alat-alat ketenteraan kita, apakah alat-alat yang kita tunjukkan itu mendapat sambutan daripada negara-negara lain, terutama pembeli-pembeli? Ketiga, adakah Kementerian Pertahanan ataupun Kerajaan terlibat membelanjakan wang atas pameran ini?

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pameran ini diusahakan oleh pihak swasta maka saya tidak ada angka dari segi statistik atau wang yang diperolehi dari pembeli-pembeli. Soalan kedua, berkenaan dengan alat-alat kita yang dipamerkan di "Pameran Pertahanan 86" baru-baru ini ialah sebuah, dengan izin, field kitchen ataupun dapur untuk memasak di medan, telah memberi sambutan yang boleh

dikatakan hangat daripada angkatan tentera jiran kita dan ini telah dibuat oleh pasukan tentera kita sendiri. Setakat ini kita belum lagi menerima order tertentu daripada pihak berkenaan. Untuk jawapan ketiga, Kerajaan tidak belanja satu sen pun dalam pameran ini.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Semasa pameran ini dilakukan adakah semua alat-alat kelengkapan senjata kita dipamerkan? Kalau sekiranya semua senjata itu dipamerkan tidakkah bererti satu pembocoran rahsia telah didedahkan kepada umum, dan kalau tidak didedahkan kesemuanya, maka tidakkah bererti pameran itu pameran olok-olok sahaja?

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Senjata kita satu pun tiada dipamerkan ketika itu.

SIJIL KELAHIRAN ANAK IMIGEREN HARAM

11. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengubah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 untuk merekodkan kedua Sijil Kerakyatan ibu bapa kerana satu "loophole" telah timbul bahawa kanak-kanak yang dilahirkan oleh imigeren-imigeren haram dapat menjadi warganegara di bawah Perkara 19 Perlembagaan kerana beliau boleh dengan senangnya membuktikan bahawa beliau telah bermastautin dalam negara ini untuk 21 tahun dengan Sijil Beranakanya, maka Akta yang sedia ada kini membantu dan menggalakkan pendatang-pendatang haram khususnya orang-orang Indonesia yang dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia untuk melahirkan anak di negara ini, yang mana kerakyatan dan taraf kehidupan dan lebih tinggi adalah diinginkan oleh

bangsa-bangsa yang lain dan ini tentu akan pada akhirnya perbelanjaan akan tertanggung kepada warganegara kita sendiri.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di antara butir-butir yang direkodkan di dalam sijil kelahiran yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, termasuklah nombor serta warna kad pengenalan ibubapa kanak-kanak yang dilahirkan itu bagi menentukan taraf kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan. Jika ibubapa kepada kanak-kanak itu tidak memiliki sebarang kad pengenalan atau kad pengenalan berwarna hijau yang mengenalkan mereka sebagai orang-orang yang bukan warganegara Malaysia yang diberi kebenaran tinggal sementara di negara ini atau golongan orang-orang pelarian, maka perkataan "ANAK ORANG ASING" akan direkodkan dalam daftar kelahiran kanak-kanak yang berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri berpuashati dengan cara merekod dan mengeluarkan sijil kelahiran sekarang dan tidak bercadang untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19 Perlembagaan Malaysia adalah dipertimbangkan dengan teliti mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan. Dalam lain perkataan, permohonan taraf kewarganegaraan tidak diberi pertimbangan semata-mata berasaskan kepada sijil kelahiran pemohon.

Oleh itu saya tidak nampak bagaimana Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ini boleh menggalakkan orang-orang asing melahirkan anak-anak mereka di negara Malaysia ini semata-mata

dengan tujuan menjadikan mereka warganegara Malaysia di bawah Perkara 19 Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan jenis kad pengenalan yang berwarna hijau. Adakah ini satu jenis yang baru? Bukankah warna Biru?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mempunyai berbagai-bagai jenis warna kad pengenalan di negara kita, yang biru, yang merah, yang hijau dan juga yang cokelat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, yang hijau itu kita memberikan kepada mereka yang bukan warganegara Malaysia, tetapi dibenarkan untuk sementara waktu duduk di Malaysia.

ELEKTRIK—KADAR BAYARAN

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah jenis kadar bayaran yang dikenakan untuk elektrik yang digunakan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan bagaimana kadar-kadar berlainan ini ditetapkan dan mengapa pengguna-pengguna di Sabah terpaksa membayar yang lebih tinggi dan tambahan kepada ini terpaksa membayar 14 sen setiap unit ke atas "fuel oil variation" mulai Disember 1982 hingga sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kadar bayaran yang dikenakan untuk elektrik ialah seperti berikut:

- (a) Di Semenanjung Malaysia terdapat 12 jenis:
 - (i) Tarif kediaman.
 - (ii) Tarif perdagangan voltan rendah.

- (iii) Tarif perdagangan am voltan sederhana.
 - (iv) Tarif perdagangan puncak/luar puncak voltan sederhana.
 - (v) Tarif perindustrian voltan rendah.
 - (vi) Tarif perindustrian am voltan sederhana.
 - (vii) Tarif perindustrian puncak/luar puncak voltan sederhana.
 - (viii) Tarif perindustrian puncak/luar puncak voltan tinggi.
 - (ix) Tarif perlombongan voltan rendah.
 - (x) Tarif perlombongan am voltan sederhana.
 - (xi) Tarif perlombongan puncak/luar puncak voltan sederhana.
 - (xii) Tarif lampu awam dan lampu jalan raya.
- (b) Bagi Negeri Sarawak pula terdapat 7 jenis kadar bayaran iaitu:
- (i) Bangunan persendirian.
 - (ii) Bangunan perdagangan (voltan rendah).
 - (iii) Bangunan perdagangan (voltan tinggi).

Bangunan perindustrian voltan rendah, bangunan perindustrian voltan tinggi, lampu awam, hotel dan penggunaan industri di sektor perindustrian.

Bagi Negeri Sabah pula, terdapat tarif domestik, tarif perdagangan kelas satu, dua, tarif perindustrian kelas satu dan kelas dua dan lampu jalan. Kadar-kadar bayaran ini ditetapkan secara amnya mengikut tujuan penggunaan bekalan elektrik tersebut; misalnya sama ada untuk penggunaan domestik; perdagangan, perindustrian, lampu awam dan

sebagainya. Namun demikian, ingin dimaklumkan di sini bahawa di Sarawak, selain daripada penjenisan kadar tarif mengikut tujuan penggunaan pula terdapat kadar-kadar tarif yang berdasarkan kepada jenis stesen penjanaan sama ada stesen penjanaan yang besar seperti di Kuching, Miri dan Bintulu ataupun stesen-stesen kecil yang lain.

Kadar-kadar bayaran elektrik di Sabah memang lebih tinggi berbanding dengan kadar di Semenanjung Malaysia, memandangkan bahawa sebahagian besar daripada sumber penjanaan LLS datang dari minyak bahan bakar dan tambah pula masih belum wujud lagi suatu sistem grid nasional tersebut.

Mengenai bayaran perubahan harga minyak ataupun "fuel oil variation charges", ingin dimaklumkan, mulai daripada 1hb April, tahun ini, bayaran ini diserapkan masuk ke dalam tarif asas LLS dan tidak lagi dikenakan secara berasingan ke atas pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem tarif LLS seperti mana yang wujud sebelum 31hb Mac, 1986 adalah terdiri dari dua bahagian iaitu tarif asas dan bayaran perubahan harga minyak. Tarif asas ini dikira berdasarkan kos minyak bahan api pada tahun 1975 yang dipuratakan pada \$288 setan. Namun demikian, demi untuk memperlindungan LLS dari keadaan harga minyak yang tidak stabil pada waktu itu maka bayaran "fuel oil variation charge" telah diperkenalkan. Dengan ini kesan kenaikan atau penurunan harga itu akan ditanggungkan ataupun dinikmati oleh pengguna-pengguna tanpa melibatkan perubahan kepada struktur tarif yang asas. Kejatuhan dalam harga minyak bahan api yang diumumkan oleh Kerajaan pada 1hb Mac, tahun ini telah memberi peluang kepada LLS untuk mengulangkaji sistem tarifnya. Pada masa ini kos

minyak bahan api kepada LLS secara purata ialah \$422.00 setan iaitu \$140.00 lebih rendah berbanding dengan harga minyak sebelum Mac 1986. Namun demikian, harga baru ini masih jauh lebih tinggi daripada harga minyak bahan api semasa tarif LLS diulangkaji pada tahun 1975 iaitu \$288 setan.

Pengulangkajian semula sistem tarif LLS juga memberi peluang kepada LLS untuk mengemaskinikan struktur tarif. Lapan kategori seperti mana wujud sebelum 31hb Mac, tahun ini sekarang akan dikurangkan menjadi 6 kategori sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, LLS sekarang telah menyerapkan masuk bayaran "fuel oil variation charge" ke dalam tarif asas yang kian wujud dan kemudiannya menurunkan kadar tarif berkenaan. Dengan lain perkataan, bayaran "fuel oil variation charge" sekarang ini dijadikan sebahagian daripada tarif asas LLS di mana kadarnya telah diperturunkan. Sistem tarif baru secara amnya adalah seperti berikut:

- (i) pengguna domestik akan menikmati penurunan tarif sebanyak 5% secara purata; dan
- (ii) pengguna-pengguna perdagangan akan menikmati penurunan tarif sebanyak 10% secara purata; dan
- (iii) pengguna-pengguna industri akan menikmati penurunan tarif sebanyak 12% secara puratanya.

PENGAMBILAN PELAJAR- PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

13. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pengambilan penuntut-penuntut Universiti kini adakah

berasaskan kadar 55% Bumiputera dan 45% bukan Bumiputera dan jika ya, untuk menyatakan pecahan jumlah penuntut Universiti dalam semua fakulti dan jika tidak, untuk menyatakan berasaskan apakah penuntut Universiti itu dipilih.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar-pelajar ke universiti tempatan adalah berasaskan kepada kuota yang sedang dilaksanakan sekarang iaitu 55%:45%, secara keseluruhan bagi kesemua universiti-universiti dan tidak mengikut fakulti.

PADI/BERAS—PENGELUARAN

14. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah padi keluaran negara dan berapa banyakkah pula beras yang diimport, sepanjang tahun 1985. Apakah usaha-usaha baharu Kerajaan supaya negara mengeluarkan beras dengan cukup.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab pada 27hb Mac, 1986 bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Bandar Sib. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa hendak ditambah lagi pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob tidak hadir).

RUMAH KOS RENDAH— MATLAMAT PEMBINAAN

16. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perumahan dan Kerajaan

Tempatan menyatakan bahawa memandangkan matlamat Kerajaan untuk membina sejumlah 80,000 unit rumah kos rendah bagi tahun 1986. Oleh kerana begitu banyak rumah dibina, adakah Kerajaan memberi jaminan bahawa pembinaan rumah tersebut bermutu dan akan disiapkan dalam masa yang singkat. Dapatkah Kementerian menjual semua rumah tersebut memandangkan keadaan ekonomi yang merosot sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Program Khas Perumahan Kos Rendah akan melibatkan pembinaan unit rumah yang banyak iaitu 80,000 unit setahun selama 3 tahun, Kerajaan tidak akan bertolak ansur dari segi mutu rumah yang akan dibina.

(a) Bagi menjamin ini tercapai, langkah-langkah seperti di bawah akan dilaksanakan:

- (i) penggunaan pelan-pelan seragam bagi rumah-rumah yang dibina di bawah program khas ini;
- (ii) pematuhan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam;
- (iii) menggunakan piawaian perancangan dan infrastruktur yang tidak menjejaskan tahap penyelesaian dan kesempurnaan kawasan perumahan.

(b) Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, Kerajaan telah dan sedang menjalankan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) mewujudkan sistem penyelarasan yang berkesan dalam perancangan dan pelaksanaan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri;

(ii) mempermudah proses-proses pembangunan perumahan melalui penubuhan pusat serenti di semua negeri;

(iii) menubuhkan bilik gerakan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi membolehkan pengesanan yang berkesan ke atas kemajuan dan masalah pelaksanaan program khas perumahan; dan

(iv) penyediaan peruntukan kewangan yang mencukupi oleh Bank Negara dan bank-bank perdagangan serta institusi-institusi kewangan yang lain.

Berhubung dengan penjualan rumah-rumah yang akan dibina di bawah program ini, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan terlibat dalam aspek ini. Semua penjualan akan dijalankan oleh pemaju swasta. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan membantu pihak pemaju secara menyediakan senarai pembeli bagi rumah-rumah yang akan dibina.

Bagi menggalakkan pemasaran rumah-rumah yang dibina di bawah program khas ini, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk:

- (1) mengurangkan kos unit rumah melalui kajian semula ke atas piawaian-piawaian perancangan dan infrastruktur tanpa menjejaskan mutu rumah yang akan dibina;
- (2) menumpukan pembinaan di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan dan juga permintaan rumah yang tinggi;
- (3) mengenakan kadar faedah yang rendah kepada pembeli untuk pinjaman perumahan; dan

- (4) menentukan peruntukan kewangan secukupnya dalam bentuk end-financing disediakan kepada pembeli-pembeli.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada Kerajaan telah menggalakkan usaha sama di antara pemaju swasta di negara ini dengan pemaju dari luar negeri dengan menggunakan sistem pembinaan rumah kos rendah yang terdapat di negara-negara lain supaya dengan menggunakan sistem pembinaan rumah kos rendah di luar negeri itu dapat kita menjaminkan iaitu harga seunit rumah di negara ini dapat kita turunkan daripada harga yang ada sekarang ini? Oleh kerana saya tahu bahawa ada beberapa projek usaha sama yang diadakan di negara ini di antara pemaju swasta kita dan juga pemaju-pemaju dari negara lain dan jika sekiranya ini telah pun dilaksanakan, saya ingin tahu usahasama-usahasama ini, siapakah pemaju kita yang membuat usaha sama ini dengan pemaju dari luar negeri iaitu mengikut negara dan juga di manakah usaha sama itu dijalankan ataupun ditempatkan di merata negara di tanahair kita?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menggalakkan kerjasama ataupun usaha sama dengan mana-mana pihak yang akan memberi keuntungan kepada rakyat dan negara kita.

Di dalam perkara ini, rasa saya beberapa Kerajaan Negeri ada menjalankan usahasama-usahasama seperti yang disebutkan itu dan salah satu daripadanya, kalau tak silap saya, ialah Kerajaan Negeri Selangor. Berkenaan dengan senarai-senarai syarikat yang membuat kerja usaha sama itu, saya memerlukan notis kerana banyak syarikatnya, kalau tak

silap saya, lebih kurang 18 dan saya tidak teringat semua namanya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan apakah yang diistilahkan rumah kos rendah Kerajaan, yang mana dalam kawasan saya rumah kos rendah sebanyak 250 buah yang telah diberi iaitu rumah kos rendah Kerajaan, iaitu dari segi bayarannya ialah \$106 sebulan, kemudian tempoh bayaran ansuran selama 25 tahun.

Ini bererti bayarannya berjumlah lebih kurang \$30,000 jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam masalah ini, kalau sedar, apakah langkah-langkah tertentu bagi mengatasi atau bagi hendak menolong kepada orang-orang yang benar-benar susah yang memerlukan rumah itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beberapa kali menyebut tentang definisi rumah kos rendah ini. Sebenarnya apa yang kita panggil rumah kos rendah ialah rumah yang berharga \$25,000 seunit ataupun bawah daripada itu dan keluasan lantainya antara 600-700 kaki persegi, sekurang-kurangnya dua bilik, satu ruang makan dan tempat dapur dan juga tandas atau bilik air.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar rumah yang berharga \$25,000 itu sekiranya diambil masa 25 tahun untuk dibayar, perlulah harga itu bertambah kerana pinjaman itu ada kadar faedah atau dengan izin, interest. Jadi terpaksa harga itu meningkat setelah 25 tahun. Sekiranya seseorang itu hendak membeli adengan secara tunai, itulah harganya \$25,000 ataupun ke bawah.

Jadi untuk menolongnya, kami di pihak Kerajaan sentiasa mencari jalan, tetapi seperti mana Ahli Yang Berhormat atau Tuan Yang di-Pertua mengetahui, keadaan ekonomi di dalam dunia ini adalah begitu rupanya dan saya tidak mampu untuk mengubahnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Selalunya masalah kita tak mahu dengar betul-betul, kita tak mahu lihat betul-betul, kita tak mahu baca betul-betul. Apabila masalah persepsi berbangkit, orang lain yang salah. Masa sudah cukup (*Ketawa*).

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15, 17 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

KEJADIAN KEBAKARAN

15. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yaakob minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar bahawa bilangan kes kebakaran di negara ini bertambah setiap tahun. Kalau benar apakah langkah dan tindakan Kementerian behau untuk mengurangkan kes kebakaran ini. Nyatakan juga sepanjang tahun 1985 berapakah kes kebakaran yang telah berlaku di Sabah dan berapa ramaikah jiwa telah terkorban dari kemalangan tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Mengikut rekod Jabatan Bomba, tidaklah boleh dikatakan bahawa bilangan kejadian kebakaran di negara ini telah bertambah setiap tahun kerana angka bagi lima tahun yang lepas menunjukkan bilangan yang turun naik iaitu pada tahun 1981 jumlahnya ialah 9,443; tahun 1982 pula 10,065; tahun 1983 naik kepada 11,592; tetapi bagi tahun 1984 bilangan kebakaran telah turun kepada 5,992 dan pada tahun 1985 telah baik balik ke 9,117

kejadian. Sungguhpun begitu, bilangan kebakaran tahun 1985 adalah kurang dari bilangan bagi tahun 1981.

Angka-angka yang saya beri sebentar tadi adalah meliputi semua jenis kebakaran seperti bangunan, kenderaan, tumbuh-tumbuhan, perkakas elektrik dan lain-lain. Jika kita hendak tumpukan perhatian kepada kebakaran-kebakaran bangunan sahaja yang termasuk rumah kediaman, rumah kedai, kilang, woksyop, hotel dan sebagainya, bilangan kebakaran dari tahun ke tahun tidak banyak berbeza iaitu 1,525 kebakaran bagi tahun 1981; 1,575 bagi tahun 1982; 1,696 bagi tahun 1983; 1,580 bagi tahun 1984 dan 1,798 bagi tahun 1985. Sungguhpun jumlah kebakaran bangunan bagi tahun 1985 yang sebanyak 1,798 itu adalah melebihi 273 kejadian jika dibandingkan dengan kebakaran dalam tahun 1981 tetapi tambahan tersebut perlulah diambilkira dan diperbandingkan dengan pertumbuhan dan kepesatan pembangunan industri dalam negara.

Sungguhpun keadaan bahaya kebakaran bolehlah dikatakan terkawal namun begitu pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk memastikan keadaannya terus terkawal. Kempen-kempen mencegah kebakaran adalah dijalankan terus menerus dengan memeriksa kilang-kilang dan tempat-tempat perniagaan berbahaya bagi menentukan keselamatan, dengan memberi ceramah keselamatan kebakaran termasuk cara-cara melawan api kepada orang-orang awam, kakitangan pejabat, pengawal-pengawal keselamatan, penuntut-penuntut dan lain-lain. Selain dari itu pihak pengurus bangunan tinggi, kilang-kilang, pejabat-pejabat dan kompleks-kompleks telah digesa menubuhkan pasukan melawan api

mereka sendiri supaya mereka dapat bertindak dengan segera untuk memadamkan kebakaran jika berlaku. Hasil dari tindakan-tindakan pegawai bomba dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi, sukacita saya menyatakan bahawa kerugian akibat kebakaran dalam tahun 1985 telah menjadi kurang jika dibandingkan dengan kerugian dalam tahun 1984 iaitu \$187.7 juta berbanding \$201.3.

Bagi Negeri Sabah kejadian kebakaran dalam tahun 1985 ialah 761 kesemuanya dan 107 daripadanya adalah merupakan kebakaran bangunan. Jumlah kerugian pula ialah \$12.9 juta dan nilai harta yang telah dapat diselamatkan ialah \$72.4 juta. Seramai tiga orang telah kehilangan jiwa akibat kebakaran, iaitu seorang wanita telah mati dalam kebakaran yang berlaku di sebuah rumah kedai tingkat dan 2 orang kanak-kanak kecil telah terkorban dalam satu kebakaran yang melibatkan sebuah rumah kediaman.

CUEPACS—SEMAKAN GAJI

17. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberitahu satu laporan mengenai perbicaraan dan perundingan Kerajaan dengan CUEPACS mengenai penyemakan semula gaji dan syarat-syarat kerja kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama Pihak Kerajaan/Pihak Pekerja Pelarasan Gaji Sektor Awam untuk mengadakan perbincangan antara Pihak Kerajaan dan Pihak Pekerja. Jawatankuasa Bersama ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pihak Kerajaan diwakili oleh Pegawai-pegawai Kanan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, Bank Negara, Unit

Perancang Ekonomi, Kementerian Buruh dan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU). Pihak Pekerja pula diwakili oleh 2 orang daripada tiap-tiap Majlis Bersama Kebangsaan dan 2 orang lagi daripada CUEPACS.

Sehingga sekarang Jawatankuasa Bersama ini telah mengadakan 3 kali mesyuarat iaitu pada 17 Disember, 1985, 7 Januari, 1986 dan 21 Januari, 1986. Mesyuarat seterusnya akan diadakan pada 23 Jun, 1986.

Setakat ini perkara-perkara yang dibincangkan oleh mesyuarat Jawatankuasa Bersama adalah berkisar mengenai konsep-konsep yang menjadi asas kepada tuntutan pelarasan gaji.

Kerajaan berharap masalah pelarasan gaji ini dapat diselesaikan secara damai melalui perbincangan-perbincangan yang diadakan berdasarkan kepada realiti ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

ANASIR PELAMPAU DAN PENGHASUT

18. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan di akhir-akhir ini berlakunya banyak kes-kes perpecahan masyarakat dan anasir-anasir pelampau serta penghasut yang boleh membawa kepada tergugatnya keselamatan negara pada keseluruhannya apakah perhatian dan tindakan Kerajaan khususnya Kementerian ini di dalam menjamin ketenteraman awam dan juga keselamatan negara keseluruhannya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang berat dan telah/akan mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang bagi membanteras

kegiatan-kegiatan mengeksploitasi sensitiviti sesuatu kaum atau anasir-anasir pelampau yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

19. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Pejabat RIMV Wilayah Persekutuan di Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta akan diperbesarkan ataupun dipindah ke tempat lain memandangkan kesesakan terutamanya memandangkan proses penukaran kepada lesen memandu salut plastik sedang giat berjalan, jika tidak adakah lebih banyak kaunter akan dibuka.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sedang mengambil tindakan untuk memindahkan Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan dari Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan Jalan Duta ke sebuah bangunan swasta di Bandar Baru Damansara. Pejabat baru ini dijangka akan dapat dibuka pada bulan Mei tahun ini juga.

PELABURAN DALAM NEGERI YANG DITARIK KELUAR

20. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan dalam negeri yang dapat dikesan telah ditarik keluar dari negeri ini dan apakah tindakan yang telah dibuat untuk menghalang penarikan ini yang tentunya menjejaskan ekonomi yang semakin tenat ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah sukar

bagi Kementerian saya untuk menyatakan secara spesifik jumlah pelaburan dalam negeri yang telah ditarik keluar dari negeri ini kerana seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, negara kita tidak mempunyai kawalan ketat ke atas pengaliran tukaran wang asing seperti setengah-setengah negara yang lain.

Kementerian saya akan terus berusaha untuk memastikan supaya segala pelaburan asing telah dibuat di negara ini akan terus dikekalkan di sini dengan menggalakkan syarikat-syarikat asing yang sedang mengalami kesukaran supaya melabur di dalam projek-projek pilihan yang lain, ataupun mempelbagaikan operasi masing-masing. Di samping itu juga usaha yang gigih akan diteruskan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang menarik melalui sistem galakan cukai dan bukan cukai. Sebagai contoh, Akta Penyelarasan Perindustrian sedang dipinda bagi maksud ini.

TARIAN SINGA—PERTUNJUKAN

21. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berikutan dari kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di satu pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum di Stadium Negara pada 29-1-1986 bahawa Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan sekatan ke atas pertunjukan tarian singa, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menyahut kenyataan Perdana Menteri itu. Adakah Kementerian atau Jabatan Polis bersedia membenarkan pertunjukan tarian singa sepanjang tempoh 15 hari Tahun Baru Cina dan bukan lagi tempoh 5 hari yang ada sekarang dan mengecualikan penaja-penaja pertunjukan tarian singa di majlis-majlis persendirian daripada permohonan permit.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah ditegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan tempoh 5 hari bagi pertunjukan tarian singa sempena Tahun Baru Cina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga, Kerajaan sememangnya telah mengecualikan penaja-penaja pertunjukan tarian singa di majlis-majlis persendirian daripada memohon permit dengan syarat pertunjukan itu tidak keluar dari kawasan majlis berkenaan.

KAD KREDIT—PENGEDAR

22. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat pengedar kad-kad kredit (credit and charge cards) di negara ini. Adakah Kerajaan bercadang mengetatkan kawalan dalam hal ini memandangkan kebanyakan pengguna-pengguna telah menyalahgunakan kad-kad tersebut melalui berbelanja dengan boros.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Mengikut rekod-rekod di Pejabat Pendaftar Syarikat bilangan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan bagi operasi kad kredit ialah lebih kurang sepuluh sahaja. Bilangan ini walau bagaimanapun, tidak termasuk operasi kad-kad kredit yang dijalankan oleh bank-bank yang telah mendaftar "franchise" kad kredit antarabangsa.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum had kadar perbelanjaan adalah ditetapkan oleh syarikat-syarikat pengedar kad-kad kredit berkenaan. Had kadar perbelanjaan yang ditentukan adalah disedari oleh pemegang-pemegang kad kredit. Soal kawalan bagi hal penyalahgunaan kad-kad kredit serta pengguna-pengguna berbelanja dengan boros tidak berbangkit sama sekali.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

23. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama adakah Kerajaan memberi timbangan menurun harga petrol, diesel dan kerosine oleh kerana harga minyak mentah di Pasaran dunia telah diturunkan. Jika ada, bilangan dan jika tidak, apakah sebabnya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium, petrol regular, diesel, minyak tanah dan LPG dalam pasaran dalam negeri adalah dikawal oleh Kerajaan. Kerajaan menetapkan harga-harga ini berdasarkan Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum yang mengambil kira elemen-elemen berikut:

- (i) Kos barangan (product posting).
- (ii) Kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringgit.
- (iii) Kos operasi.
- (iv) Kadar komisyen pengedar.
- (v) Kadar duti.

Mengikut formula ini, harga runcit barang-barang petroleum dikaji setiap tiga bulan. Jika dalam bulan kajian yang berkenaan didapati harga runcit boleh diubah, maka runcit baru akan dikuatkuasakan mulai bulan yang berikutnya. Kali terakhir kajian dibuat mengikut formula ini ialah dalam bulan Januari, 1986. Ini bererti bahawa kajian harga yang akan datang ialah pada bulan April, 1986.

Walau bagaimanapun memandangkan keadaan di mana harga minyak mentah di pasaran dunia telah turun dengan begitu rendah, maka Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menurunkan harga barang-barang petroleum sewajarnya.

Justru itu harga-harga barang-barang petroleum telah diturunkan di seluruh negara, mulai 1 Mac, 1986 dan April, 1986.

KEMUDAHAN SUKAN DI BANDAR KECIL

24. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan adakah pihak Kementeriannya sedar bahawa ramai daripada kalangan belia di kawasan luar bandar tidak dapat bergiat di lapangan sukan kerana mereka tidak mempunyai padang-padang permainan sendiri, kebanyakan daripada mereka hanya menumpang di padang-padang sekolah yang berhampiran dan setengahnya gagal untuk mendapat bermain di padang-padang sekolah yang berhampiran kerana program-program sekolah yang ketat. Jika sedar apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasinya.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari akan masalah-masalah ini dan dengan sebab itu Kementerian sudah dan akan terus melaksanakan satu projek yang dinamakan *Kemudahan Sukan di Bandar Kecil*. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMT), dan Rancangan Malaysia Keempat (RME), Kementerian telah membelanjakan sebanyak \$5,594,882 di seluruh negara untuk projek ini. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), Kementerian sudah pun merancang dan akan melaksanakan kemudahan-kemudahan yang akan diluluskan kelak di bawah projek ini secepat mungkin.

TANAH KAMPUNG BARU

25. Tuan Tan Kok Hoi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

menyatakan di Majlis Perjumpaan dengan wakil-wakil kampung baru pada 19-9-1985 di Intan Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan akan berbincang dengan Menteri-Menteri Besar/Ketua-ketua Menteri berkenaan penyelesaian masalah tanah Kampung Baru. Adakah perbincangan telah diadakan dan apa pula keputusannya.

Puan Napsiah binti Omar: Satu mesyuarat khas sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat masih belum sempat diaturkan. Walau bagaimanapun, dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada 2hb Disember, 1985, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun memaklumkan kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah di kampung-kampung baru. Antara lain, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan memberi pertimbangan khas kepada penduduk-penduduk kampung baru yang memohon untuk mengerjakan tanah-tanah kerajaan/secara lesen tumpangan sementara di sekitar kampung baru untuk tujuan pertanian secara kecil-kecilan seperti penanaman sayur-sayuran dan sebagainya. Ini adalah untuk memastikan agar tanah-tanah kerajaan yang kini terbiar dapat diusahakan dengan sepenuhnya, selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Sehubungan ini, untuk menyelaras tindakan-tindakan susulan daripada perkara yang tersebut di atas dan juga menyelaras pembangunan kampung-kampung baru, Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampung-kampung Baru yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh Ahli-ahli

EXCO Negeri. Salah satu tujuan Jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah. Dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa ini pada 27hb Februari, 1986, Kementerian saya telah mengemukakan cadangan-cadangan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Antara lain adalah cadangan bahawa semua suratan hakmilik tanah perumahan dilanjutkan pajakan kepada tempoh tidak kurang daripada 60 tahun seperti yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sambutan Kerajaan-kerajaan Negeri kepada cadangan-cadangan Kementerian adalah amat menggalakkan. Kementerian saya akan menyusuli perkara ini pada Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampung Baru yang akan datang.

LADANG SUNGAI TINGGI— PENGANTUNGAN KERJA

26. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) mengapa Kementeriannya masih belum membuat apa-apa keputusan terhadap kes pengantungan 18 pekerja-pekerja Ladang Sungai Tinggi, bahagian Batu Arang, Rawang, yang berlaku dalam tahun 1984; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan ingin ambil untuk menamatkan buruh kontrak di ladang tersebut kerana pihak majikan telah menggunakan sistem buruh kontrak untuk mengeksploitkan pekerja-pekerja berkenaan di mana pekerja-pekerja tersebut diupah sebagai pekerja kontrak sejak 1966.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):

- (a) Sebenarnya hanya seramai 15 orang pekerja sahaja di Ladang

Sungai Tinggi, bahagian Batu Arang, Rawang, Selangor yang telah mengemukakan tuntutan gaji kepada Jabatan Buruh di Rawang pada 22-2-1985. Perbicaraan tuntutan yang tersebut telah didengar pada 27-3-1986 dan kemudian ditangguh kepada 23-6-1986 di atas permintaan Kesatuan. Sebenarnya perbicaraan ini telah ditunda beberapa kali di atas permintaan satu atau lain pihak yang terlibat.

- (b) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pihak Pengurusan ladang yang berkenaan telah pun menjalankan sistem kontrak sejak tahun 1966 dengan memberikan kontrak untuk menoreh getah kepada 3 orang kontraktor berasingan. Ketiga-tiga kontraktor itu telah menggaji pekerja-pekerja sendiri di bawah suatu kontrak perkhidmatan ("contract of service") untuk menjalankan kerja itu. Memandangkan bahawa pekerja-pekerja ketiga-tiga kontraktor itu adalah dilindungi oleh Undang-undang Buruh setaraf dengan pekerja-pekerja lain yang digaji dengan secara langsung, maka eksploitasi yang kononnya berlaku tidak harus timbul. Oleh yang demikian saya tidak faham mengapa sistem buruh kontrak di ladang itu perlu ditamatkan.

BELIA MENYERTAI PERSATUAN BELIA

27. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kalangan belia atau digolongkan sebagai belia yang terlibat menyertai

persatuan-persatuan belia di seluruh negara;

- (b) apakah benar kebanyakan kalangan belia di negara ini kurang berminat untuk menyertai persatuan-persatuan belia, sekiranya benar apakah program-program yang telah dan sedang disusun untuk menarik lebih ramai lagi kalangan ini menyertai persatuan-persatuan belia; dan
- (c) berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk mempertingkatkan lagi taraf ekonomi dan sosial kepada ahli-ahli dan persatuan-persatuan belia dalam negara ini bagi tahun 1986.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Hingga akhir tahun 1985 seramai 1.68 juta para belia telah menyertai persatuan belia di seluruh negara.
- (b) Adalah tidak benar kebanyakan kalangan belia di negara ini kurang berminat untuk menyertai persatuan belia. Program-program yang telah dan sedang disusun oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai lagi kalangan belia menyertai persatuan-persatuan belia adalah berupa rancangan-rancangan kepimpinan, sosial, kemahiran, ekonomi, keusahawanan dan perniagaan.
- (c) Peruntukan yang telah diluluskan bagi mempertingkatkan lagi taraf ekonomi dan sosial ahli-ahli dan persatuan-persatuan belia negara ini bagi tahun 1986 ialah sebanyak \$19,659.00.

PROJEK PENAPIS ALUMINIUM

28. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan

sudahkah pihak Kerajaan memutuskan untuk membina serta melancarkan projek penapis aluminium di Bintulu Sarawak. Kalau ada, bilakah projek itu akan dimulakan dan beberapa peruntukan kewangan diberikan untuk projek tersebut. Malahan, bagaimanakah pihak Kerajaan akan menguruskan masalah pencemaran yang timbul dari industri itu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan belum memutuskan cadangan untuk membina projek penapis aluminium di Bintulu, Sarawak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb April, 1986).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1986, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kum-

pulanganwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.” (1hb April, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyambung ucapan.

3.36 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pada petang semalam saya menyatakan bahawa soal pokok mengenai perbelanjaan awam bukanlah sama ada kita harus belanja atau tidak. Nampaknya kita tidak ada pilihan lain selain daripada meneruskan perbelanjaan awam. Apa yang harus kita tegaskan ialah strategi perbelanjaan iaitu untuk apa dan bagaimana wang itu dibelanjakan. Strategi perbelanjaan adalah lebih penting daripada amaun perbelanjaan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ini. Kerajaan haruslah memberi keutamaan kepada projek-projek yang akan mendatangkan pulangan atau keuntungan ekonomi yang nyata dan langsung dalam jangka pendek, dengan izin, short term direct economic returns, yang bukan sahaja akan mendatangkan faedah-faedah secara langsung kepada rakyat jelata tetapi juga memperansangkan aktiviti-aktiviti ekonomi sektor swasta dengan adanya kandungan tempatan yang

tinggi, dengan izin, high local content yang akan mendatangkan multiplier effect.

Projek-projek itu haruslah, dengan izin, possess a high labour content, untuk memperluaskan peluang pekerjaan dalam keadaan meleset ini. Dalam perkara ini cadangan Kerajaan untuk membina lebih banyak perumahan kos rendah dan menumpukan kepada infrastruktur seperti jalan raya-jalan raya, jambatan-jambatan, sistem perairan dan sebagainya merupakan satu cadangan yang tepat dan realistik. Namun demikian, Kerajaan patutlah menjamin bahawa faedah-faedah dari projek-projek ini disebarkan seberapa adil yang boleh dan seluas-luasnya di seluruh negara dan akan dinikmati oleh golongan-golongan sosial yang berlainan dan bukanlah ditumpukan kepada beberapa kawasan atau beberapa golongan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, lebih penting lagi projek-projek yang akan dilaksanakan haruslah terlebih dahulu dinilai dan dirancang dengan tepatanya berdasarkan kepada analisa-analisa cost benefit dan cost effective, dengan izin, yang realistik.

Kita semua setuju bahawa Kerajaan tidak patut melaksanakan projek-projek hanya berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan politik atau nafsu-nafsu perseorangan sahaja, tetapi di sebaliknya tidak patut juga sekiranya kita menentang sesuatu projek seolah-olah hanya berdasarkan kepada sebab-sebab politik atau kepentingan-kepentingan kesukuan, dengan izin, sectional interest, sepertimana terdapat setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin pembangkang yang sentiasa menentang sebarang projek yang akan atau telah dilaksanakan oleh Kerajaan tanpa meninjau merit-merit atau faedah-faedah sesuatu projek itu. Lain katanya sungguhpun kita semua

menentang segala bentuk pembaziran, tetapi kita tidak boleh menganggap semua projek besar sebagai projek yang membazir, sepertimana juga bukan semua projek membazir ialah projek besar. Ada juga projek-projek kecil yang amat membazir, yang tidak harus dilaksanakan. Projek-projek mestilah dinilai mengikut prospektif-prospektif jangka panjang dan jangka pendek dengan wajar dan waras. Dalam perkara ini saya tidak setuju dengan tuduhan-tuduhan, khasnya yang dibuat oleh Ahli dari Kepong pada petang semalam bahawa jalan raya utara-selatan dan jambatan Pulau Pinang merupakan projek-projek yang membazir, kononnya kerana kutipan tol tidak dapat membayar balik pelaburan asal.

Mengenai jalan raya utara-selatan, kita semua sedar adanya masalah kesesakan trafik yang kian merosot di jalan raya yang sedia ada, misalnya di antara Kuala Lumpur dan Ipoh, di antara Ipoh dan Kuala Kangsar, Taiping dan Butterworth serta Butterworth dan Alor Setar. Maka adalah sangat mustahak bahawa jalan raya sekurang-kurangnya yang mempunyai 4 ruang siap dibina secepat mungkin untuk mengatasi masalah-masalah sesak trafik ini.

Jalan raya utara-selatan akan mengurangkan masa perjalanan di antara bandar-bandar utama dan sepanjang corridor trafik Pantai Barat. Pengurangan atau penjimatan masa perjalanan adalah pengurangan atau penjimatan kos pengangkutan secara langsung dan tidak langsung. Secara cumulative bagi berpuluh-puluh ribu pengguna harian jalan raya utara-selatan ini, jumlah penjimatan masa dan kos adalah banyak ataupun sangat substantial. Begitu juga bagi jambatan Pulau Pinang di mana telah didapati bahawa masa perjalanan di antara pulau dan juga kawasan perindustrian Prai adalah lebih kurang ½ jam dapat dijimatkan untuk perjalanan sehala.

Bagi perjalanan dua hala pula penjimatan masa boleh sampai lebih daripada satu jam. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak patut menganggap jalan raya utara-selatan atau jambatan Pulau Pinang sebagai satu projek membazir, boros atau mewah, *luxurious*, projek-projek infrastruktur seumpama ini tidak boleh dinilai hanya berdasarkan tol-tol yang dikutip.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, dia bangun.....

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Dr Koh Tsu Khoon: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa keadaan ekonomi sekarang ini kian merosot dan kita pun berhutang berbillion-billion ringgit kepada negara asing dan tambah pula dengan pendapatan itu kita terpaksa membayar balik hutang sebanyak \$70 juta setahun. Dan bolehkah Yang Berhormat menaksirkan rezeki usaha Dasar Ekonomi Baru untuk membasmikan kemiskinan sekarang kalau kewangan ini digunakan untuk membasmikan kemiskinan, sama ada ini lebih penting ataupun membina satu jambatan. Saya bukan mengatakan bahawa ini tidak ada guna, memang memainkan peranan yang tertentu, tetapi dari segi jumlah dan amaun wang yang digunakan, adakah ini berpatutan, terutamanya semasa ekonomi yang merosot ini, ini termasuk dengan Lebuhraya Utara-Selatan dan sistem tender yang dibuka kepada projek-projek seperti ini adalah tidak begitu sesuai.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan seperti ini

harus dijawab oleh Menteri Kerjaraya, tetapi untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong, saya memang sedar bahawa keadaan ekonomi sekarang meleset dan juga Jambatan Pulau Pinang hutang \$70 juta tiap-tiap tahun, tetapi soalan saya ialah Jambatan Pulau Pinang telah siap terbina. Apa yang harus kita buat, adakah kita harus memajak jambatan itu ataupun apa? Saya ingat sikap yang positif ialah kita menerima bahawa jambatan ini telah siap dan juga kita mengkaji dari segi hasil-hasil yang akan didapati daripada jambatan Pulau Pinang, bukan sahaja dari segi tol-tol yang dikutip, tetapi dari segi aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat diperangsangkan, oleh kerana adanya jambatan itu dan untuk membasmikan kemiskinan bukanlah sahaja untuk menggunakan peruntukan dan diberi kepada golongan-golongan miskin sahaja. Tetapi dengan adanya struktur-struktur, infrastruktur-infrastruktur yang akan membantu semua golongan untuk mendapatkan satu pendapatan yang lebih wajar, lebih baik. Itulah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat diminta duduk sebentar. Saya enggan mengganggu perjalanan majlis, namun saya melihat Peraturan 67B (4) dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sama ada perkara-perkara yang disentuh tadi oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat ada kena-mengena dengan wang yang Kementerian Yang Berhormat minta ini?

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Setakat yang saya tahu tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kenalah beralih kepada perkara-perkara yang ada kena-mengena dengan masalah di hadapan majlis. Silakan, Yang Berhormat.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya peruntukan yang diberi ini sungguhpun tidak ada berkaitan secara langsung, tetapi nampaknya ada juga peruntukan untuk Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Kewangan. Oleh itu, saya menyebut perkara tentang strategi pembelanjaan dan saya mengambil sebagai satu contoh Jambatan Pulau Pinang dan juga jalan raya selatan-utara sebagai satu contoh di mana saya nanti akan membuat bandingan dengan projek-projek lain untuk menerangkan hujah-hujah saya mengenai strategi pembelanjaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekiranya begitu Yang Berhormat, sila tekankan strategi daripada contoh.

Dr Koh Tsu Koon: Baik, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Mengenai strategi perbelanjaan adalah nyata bahawa penekanan yang diberi oleh Kerajaan terhadap pembinaan jalan raya adalah satu cadangan atau satu strategi perbelanjaan yang wajar. Ini saya harus berpanjangan-lebar sedikit kerana kita haruslah menganggap bahawa pengutipan tol bagi projek-projek infrastruktur besar yang tertentu sama ada Jambatan Pulau Pinang ataupun bahagian-bahagian yang tertentu dari jalan raya Utara/Selatan ini boleh dijustifikasikan atas asas bahawa penjimatan masa serta segala kos langsung dan tidak langsung termasuk kesenangan dan kepuasan iaitu convenience and comfort, dengan izin, bagi setiap pengguna adalah lebih daripada tol sebanyak \$1 atau \$2 yang beliau bayar itu. Maka orang ramai memang dapat menerima hujah seumpama ini.

Sekiranya tol yang dikutip dapat membantu dalam membayar balik sebahagian daripada atau seluruh kos pembinaan ataupun mendatangkan

keuntungan kerana bilangan pengguna yang begitu besar lebih baiklah kalau tidak pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi perbelanjaan tidak mengapa segala projek itu dari segi costing tidak membazir.

Saya merasa juga terhibur sedikit oleh setengah-setengah.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan lagi?

Dr Koh Tsu Koon: Boleh, silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk projek itu jumlah wang yang terlibat kira-kira \$1,200 juta. Jadi dengan wang yang begitu besar amaunnya adakah dari segi hendak membasmi kemiskinan Jambatan ini boleh memberi sumbangan dalam membasmi kemiskinan di Pulau Pinang?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, diminta Yang Berhormat duduk sebentar.

Dr Koh Tsu Koon: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon izin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ruang yang diberi oleh Peraturan Mesyuarat ialah untuk penjelasan dan supaya Yang Berhormat mengingatkan perkara ini dan jangan menjadikan ruang ini sebagai helah untuk berhujjah selain daripada jalan-jalan yang ditetapkan oleh Peraturan Mesyuarat. Silakan Yang Berhormat.

Dr Koh Tsu Koon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang sebenarnya saya tidak berhasrat berdebat di sini dengan sesiapa pun.

Tetapi saya inginlah cuba mengemukakan pandangan saya dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita haruslah memandangkan sesuatu projek itu dari konteks sosio-ekonomi yang luas bukan sahaja dari segi amaun perbelanjaan itu atau amaun tol dan pulangan ekonomi secara langsung dalam jangka panjang sahaja. Memang kita tetap tidak boleh dan tidak akan menerima apa-apa bentuk pembaziran tambahan pula sekiranya ada apa-apa tol ianya haruslah mengikut kadar-kadar yang munasabah dan bagi banyak projek pun tidak harus pula diadakan apa-apa tol sama sekali.

Walau bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa saya tidak menyatakan di sini bahawa semua projek besar adalah munasabah dan harus disokong tanpa apa-apa persoalan ataupun kritikan pun. Kita harus menjalankan analisa-analisa bandingan secara objektif atau, dengan izin, objective comparative analysis dan selanjutnya membuat keputusan mengenai keutamaan ataupun priority memandangkan bahawa sumber-sumber terhad khasnya pada zaman meleset ini.

Sebagai satu contoh secara kasar tanpa apa-apa penganalisa secara mendalam mungkin kita boleh mengatakan bahawa Projek Jalan raya Utara/Selatan harus diberi keutamaan kalau dibandingkan misalnya dengan Projek Keretapi Elektrik Timur. Saya mengatakan demikian bukan kerana saya datang dari Pantai Barat tetapi dari apa yang saya tahu banyaknya trafik ataupun traffic volume di sepanjang Pantai Timur belum sampai begitu sesak dan buat sementara waktu dapat ditampung oleh jalan Pantai Timur yang sedia ada, yang telah diperbaiki tidak lama dahulu. Maka Projek Keretapi Elektrik Pantai

Timur merupakan satu projek jangka panjang yang harus dikaji dengan lebih lanjut dan teliti lagi.

Di sebaliknya mungkin ada projek-projek jalan dan jambatan yang lain di Pantai Timur yang harus diberi keutamaan supaya dapat memperangsakan pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan yang terpencil. Begitu juga bagi Projek Bakun di Sarawak yang agak konroversial sekarang. Buku Maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos baru-baru ini telah memberi butir-butir yang dahulunya tidak diketahui oleh orang awam. Namun demikian, saya berpendapat bahawa Kerajaan harus mengkaji cadangan ini dengan berhati-hati sebelum melaksanakan dengan sepenuhnya memandangkan kandungan import yang tinggi iaitu, dengan izin, high import content yang dianggar ialah lebih kurang 70% serta implikasi-implikasi kewangan jangka panjang selain daripada pertimbangan-pertimbangan alam sekitar, sosial dan lain-lain.

Tambahan pula saya difahamkan bahawa keberkesanan serta reliability, dengan izin, talian kawat di bawah laut atau, dengan izin, under-sea cable dari Sarawak ke Semenanjung yang begitu panjang dari segi pengaliran elektrik, iaitu dengan izin, electrical transmission masih belum dipastikan memandangkan panjangnya adalah empat kali ganda talian kawat under-sea cable yang terpanjang di dunia yang sedia ada sekarang.

Pada amnya, pada pendapat saya bagi setiap projek besar yang Kerajaan cadangkan selain daripada analisa-analisa objektif, Kerajaan haruslah, dengan izin, take the people into confidence iaitu menerangkan butir-butir kepada rakyat jelata khasnya mereka yang terlibat dan mendapatkan ataupun feedback dari mereka. Kerajaan juga harus bersikap

terbuka terhadap cadangan-cadangan dan teguran-teguran dari kumpulan-kumpulan tindakan sosial atau, dengan izin, social action groups seperti Persatuan-persatuan Pengguna serta Pertubuhan-pertubuhan Alam Sekitar dan bersedia mengadakan perbincangan dan perundingan dengan mereka ini. Dengan ini kita dapat mengambil kira perspektif-perspektif dan pertimbangan-pertimbangan yang berbeza sebelum sesuatu projek diputuskan untuk dilaksanakan.

Kita juga akan dapat menerangkan kepada mereka ini pertimbangan-pertimbangan pihak Kerajaan yang mungkin mereka kurang memahami. Dan kalau pandangan atau andaian mereka itu kurang munasabah kita dapat juga mempunyai peluang untuk membetulkannya dalam satu suasana yang mesra. Ini adalah lebih baik daripada memegang kepada pendirian masing-masing secara tegas dan tuduh-menuduh secara terbuka.

Dengan mengamalkan konsep "Kerajaan terbuka", Kerajaan kita akan dapat menikmati sumbangan, pandangan-pandangan dan bantuan dari kumpulan yang berlainan. Kerajaan juga akan dapat penghormatan dan sokongan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin merujuk kepada peruntukan tambahan sebanyak \$2 billion di bawah Butiran B. 30 bagi Kementerian Kewangan yang mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada petang semalam adalah untuk tujuan projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan pada tahun 1985.

Saya akan berbesar hati kalau Kerajaan dapat memberi penjelasan yang lebih terperinci kepada Parlimen, apakah projek-projek utama yang

memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$2 billion ini dan apakah sebab-sebabnya.

Sebenarnya saya dapati bahawa belanjawan tiap-tiap tahun serta Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan selalunya memberi maklumat-maklumat yang tidak mencukupi, dengan izin, very scanty and sketchy information mengenai tujuan dan projek-projek bagi setiap peruntukan yang dirancang dan dianggar atau perbelanjaan yang telah dibelanjakan. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan supaya memberi maklumat-maklumat yang lebih terperinci untuk penelitian Parlimen, sekurang-kurangnya harus diberi satu rumusan atau senarai projek-projek utama dan peruntukan bagi setiap projek di bawah tiap-tiap butiran. Bukanlah satu lump sum dan huraian secara am sahaja. Hanya dengan adanya maklumat yang lebih tepat barulah Parlimen dan orang ramai dapat menjalankan peranannya sebagai penyelia untuk menjamin pertanggungjawapan (accountability) dalam pembelanjaan awam.

Dalam perkara ini dan sebagai satu contoh tambahan, saya ingin merujuk kepada satu peruntukan juga bagi jumlah \$2 billion dalam Rancangan Malaysia Kelima yang dikatakan bertujuan untuk pembaikan dan pengubahsuaian pentadbiran (upgrading and renovation of administration).

Saya merasa agak keliru oleh peruntukan yang begitu banyak yang merupakan tiga kali ganda peruntukan \$788 juta bagi perkhidmatan-perkhidmatan am untuk pentadbiran. Peruntukan ini kononnya mengikut buku Rancangan Malaysia Kelima ialah untuk membaiki bangunan-bangunan Kerajaan, hospital dan Jalan raya Persekutuan. Bukankah butiran-butiran ini telah diambil kira

di bawah peruntukan bagi Jabatan Kerjaraya, Pengangkutan dan Kesihatan seperti biasa.

Secara bandingan, peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan am, pentadbiran di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah \$810 juta tetapi tidak ada apa-apa peruntukan atau pembelanjaan bagi upgrading and renovation. Kerajaan diminta memberi penjelasan, kalau tidak, ini mungkin merupakan satu luxurious item seolah-olah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, sebahagian besar daripada projek-projek Kerajaan yang telah dilaksanakan pada tahun 1985 dan tahun-tahun sebelumnya serta projek-projek yang akan dirancang dilaksanakan pada masa hadapan dituju untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kedua-dua matlamat ini adalah munasabah pada dasarnya untuk memupuk perpaduan. Namun demikian, terdapat banyak masalah pelaksanaan.

Maka izinkanlah saya membincang satu aspek pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, iaitu usaha Kerajaan menggalakkan penyertaan kaum bumiputera dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden khususnya dalam sektor korporat kerana ianya membawa maksud terhadap pembelanjaan pada masa lampau dan strategi pembelanjaan bagi masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk sebentar.

Dr Koh Tsu Koon: Ya, baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat meneruskan ucapan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita

sekarang menimbang masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan dalam Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap selepas ini, saya harap pandulah kepada Peraturan Mesyuarat 67(b)(iv), Rang Undang-undang sepertimana tercatat di atas Kertas DR. No. 4/86 dan Kertas Perintah 12 Tahun 1986 bersekali dengan pembetulan yang telah pun diedarkan, barulah kita menepati maksud sepertimana dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat dalam menimbang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan dalam sidang Dewan Rakyat. Silakan, Yang Berhormat.

Dr Koh Tsu Koon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu saya beralih kepada satu tajuk yang lebih khusus iaitu saya ingin merujuk kepada Butiran B. 5 mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kita baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, telah selesai membahaskan dengan panjang lebar Rancangan Malaysia Kelima. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, apa juga rancangan atau anggaran belanjawan pun hanya berkesan sekiranya pelaksanaannya berkesan (any plan or any budget is only as good as it's implementation). Oleh itu, perkhidmatan awam kita mempunyai satu peranan yang amat penting untuk menjamin pencapaian dua matlamat iaitu bagi apa juga projek pembangunan Kerajaan ialah untuk mencapai pembangunan ekonomi dan perpaduan negara.

Bersabit dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya diadakan satu proses debureaucratization bagi perkhidmatan awam kita untuk

mengurangkan red tape dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam pada amnya.

Pegawai-pegawai perkhidmatan awam haruslah ditanamkan dengan semangat berkhidmat untuk semua rakyat secara adil dan saksama tanpa mengira kaum dan agama. Dengan kecekapan yang lebih khusus serta rancangan penswastaaan yang sedang dilaksanakan, maka nyatalah bahawa saiz perkhidmatan awam kita akan dikemaskan iaitu bilangan pegawai-pegawai yang ada mungkin menjadi berlebihan (redundance). Maka selain daripada menswastakan sebahagian daripada pegawai-pegawai ini, saya ingin mencadangkan supaya sebilangan pegawai daripada tiap-tiap Jabatan dilatih semula dan ditempatkan semula untuk mengendalikan aspek-aspek perhubungan awam (public relation) supaya dapat membantu orang awam, khasnya mereka yang buta huruf atau yang tersekat (disadvantage) untuk mengisi borang-borang dan mengatasi prosidur-prosidur birokratik yang kadang-kadang begitu complicated and frustrating, dengan izin. Ini akan memberikan perkhidmatan awam kita satu human faith, dengan izin, dan memperbaiki imejnya.

Saya ingin menegaskan betapa pentingnya pegawai-pegawai perkhidmatan awam kita haruslah bersikap adil dan saksama serta bersabar dan bersopan. Seseorang pegawai yang kurang sopan atau kurang bertimbang rasa atau kurang sensitif terhadap keperluan-keperluan atau masalah-masalah orang ramai mungkin akan menjejaskan perhubungan antara kaum, dan memburukkan masalah polarisasi kaum.

Seseorang orang awam yang diberi layanan yang angkuh atau tidak adil oleh seorang pegawai yang terdiri daripada kaum yang lain akan dengan senangnya menganggap bahawa itulah

sikap perkauman, sama ada benar atau tidak. Lebih dahsyat lagi sekiranya terdapat beberapa kejadian seumpama ini dari beberapa orang pegawai akan diberi satu tanggapan bahawa Kerajaan pada keseluruhannya adalah perkauman dan bias, dengan izin.

Unsur-unsur perkauman dan melampau di kalangan perkhidmatan awam walaupun mungkin terhad ataupun tidak begitu luas unsur-unsur ini, merupakan satu rintangan kepada perpaduan negara dan pembangunan ekonomi seperti mana juga politik perkauman memainkan satu peranan negatif terhadap perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Titah Ucapan dua minggu dahulu, saya telah mengatakan bahawa ahli-ahli politik harus memainkan peranan kita untuk mencegah dua haluan kurang sehat ke arah obsession dengan kebendaan dan ektrimisma yang cenderung kepada kekerasan. Di sini saya ingin merayu kepada ahli-ahli perkhidmatan awam untuk membantu mencegah dan menghapuskan haluan-haluan kurang sehat ini bukan sahaja di kalangan rakyat tetapi di kalangan mereka sendiri.

Saya percaya bahawa dengan dedikasi terhadap kebahagiaan negara kita pada keseluruhannya, perkhidmatan awam kita sanggup menjadi satu perkhidmatan awam yang dipuji dan ditauladani oleh negara-negara yang sedang membangun yang lain. Ahli-ahli politik dan ahli-ahli perkhidmatan awam haruslah bergerak bersama-sama sebagai rakan-rakan yang rapat iaitu melalui kerjasama yang rapat bagi kepentingan negara dan rakyat. Hanya begini barulah apa juga pelan ataupun rancangan Belanjawan atau Perbekalan Tambahan akan mendatangkan pembangunan yang bermakna yang benar-benar memberi

faedah kepada rakyat. Kalau tidak pelan ataupun Belanjawan akan hanya kekal sebagai satu beautiful blue print, dengan izin, penuh dengan angka-angka yang impressive tetapi kurang bermakna ataupun kurang praktikal.

Sekian sahaja dan saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Yang Kedua, 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

4.13 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari dahulu kita telah meluluskan Rancangan Malaysia Kelima dan kita sekarang mahu menyentuh di mana kita boleh dapat wang untuk melaksanakan pelan induk itu. Negara kurang wang oleh sebab ekonomi sudah merosot dan hutang kita \$80 billion, setengah dari tempatan, setengah daripada luar negeri, \$40 billion dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jangkaan kelembapan ekonomi dan pertumbuhan negatif matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, menyusun semula masyarakat menghadapi bahaya. Untuk mencapai matlamat ini kek kebangsaan hendaklah diperbesarkan melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pada waktu ini adalah sukar untuk mengadakan kek, apatah lagi kek yang saiznya lebih sukar.

Apa yang saya perkatikan ialah di bawah B. 30—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun \$2 bilion untuk pembangunan. Saya harap wang ini tidak membazir dan untuk projek yang memberi faedah. Pertumbuhan terpaksa dikekalkan walau dengan apa cara pun tetapi sumber-sumber baginya tidak ada. Bagaimana pula

dengan reserves kita. Reserves kita seharusnya patut disimpan apabila kita menghadapi keadaan yang baik supaya wang tersebut boleh digunakan untuk menghadapi masa yang rumit macam sekarang dan kini kita menghadapi satu masa yang rumit, akan tetapi tidak ada reserves dalam khazanah negara. Laporan Ekonomi 1985/1986 muka surat 104 menyatakan bahawa pada hujung bulan Disember 1985 jumlah reserves bersih antarabangsa adalah dekat \$12 bilion. Sementara hutang asing kita pada hujung tahun 1985 adalah sebanyak \$30 bilion. Hutang tempatan pula adalah sebanyak \$40 bilion. Dengan lain perkataan, bukan sahaja khazanah negara kita tiada duit tetapi juga terdapat defisit hutang luar negeri sebanyak lebih kurang \$30 juta. Maka dengan itu nilai ringgit kita telah jatuh berbanding dengan dolar Amerika Syarikat sejak mesyuarat Belanjawan, Disember lalu nilainya hampir 25% hingga 30% berbanding dengan matawang Eropah sebanyak 39% berbanding dengan yen Jepun. Kemelesetan ekonomi, kejatuhan harga barangan dan defisit luar yang besar adalah puncanya.

Jimat cermat harus dipraktikkan untuk memastikan terdapat wang untuk pembangunan, Menteri-menteri hendaklah memberi contoh tauladan dengan tidak membeli kereta-kereta mewah seperti BMW dan Mercedes untuk kegunaan harian. Menteri-menteri dan Ahli-ahli.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya keberatan hendak mengganggu Yang Berhormat dan sekali lagi keberatan hendak mengganggu perjalanan Dewan Rakyat, tetapi ada perkara pokok yang saya terpaksa bereskan di sini.

Kita mempunyai Perlembagaan negara dan dalam masalah ini Perkara 101 dalam Perlembagaan adalah mengenai perbelanjaan tambahan dan

perbelanjaan lebih. Kemudian kita ada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang menjadi, dengan izin, extension kepada Perlembagaan negara, tetapi apa yang penting di sini ialah satu prinsip iaitu di peringkat dasar, Peraturan Mesyuarat yang merupakan satu extension dan Perlembagaan negara menghadkan masa selebih-lebihnya satu hari. Dan dengan ketat mengikat garis-garis isi perbincangan dengan maksud menepati apa yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat.

Oleh yang demikian saya telah minta tadi supaya setiap Ahli yang hendak bangun berucap sila pandukan betul-betul kepada Peraturan Mesyuarat 67 (5) dan 67B (4) kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu DR 4/86, kepada Kertas Perintah 12/1986, dengan pembetulan yang telah pun diedarkan barulah kita menepati corak perbincangan sepertimana dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat, Dewan Rakyat yang merupakan satu extension daripada Perlembagaan negara. Lain langsung dengan prinsip-prinsip yang menggariskan perbincangan dalam kita menimbang Belanjawan atau perbelanjaan biasa. Lain langsung.

Jadi sekali lagi saya mohon izin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap prinsip ini. Saya bolehlah membenarkan bunga-bunga mukaddimah menyentuh perkara-perkara yang sepertimana yang disentuh tetapi saya mendapati perkara yang seharusnya menjadi mukaddimah ini menjadi isi seluruh ucapan. Terima kasih Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau tidak saya sebut muka surat 2, sebelum sampai Committee stage kita boleh bercakap sedikit dasar am. Saya ada sentuh Undang-undang ini di bawah Maksud

B. 30—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun \$2 bilion. Kita mahu bahas di mana wang ini boleh dipakai di dalam perkhidmatan, ada rancangan yang ada dapat hasil.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila tumpukan ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang demikian.

Dr Chen Man Hin: Sebab itulah kita mesti cermatkan wang. Tuan Yang di-Pertua, saya harap sabar sedikit. Saya hendak sebutkan sedikit mengenai projek-projek industri di mana kita janganlah membazirkan wang, kalau tidak dapat faedahnya. Kalau industri itu membazirkan wang \$2 billion sekejap sahaja habis.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek industri berat hendaklah dikaji semula seperti Proton Saga, Kilang Besi Keluli dan lain-lain. Sekiranya projek-projek ini menjadi beban kepada Menteri Kewangan maka ia hendaklah dibatalkan, kerana jikalau tidak ia akan mengancam Rancangan Malaysia Kelima dan matlamat DEB.

Perdana Menteri telah memberi tahu Parlimen bahawa rakyat tidaklah harusnya mempunyai mentaliti subsidi. Rakyat ingin tahu sama ada beliau akan hentikan pengeluaran kereta Proton Saga yang disubsidikan sebanyak \$8,000 atau lebih setiap kereta.

Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mahu mengelakkan pembaziran wang, saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan, dengan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh OBAs (Off Budget Agencies). Prestasi Agensi-agensi di Luar Belanjawan adalah amat buruk. Laporan Ekonomi tahun 1986 menyatakan bahawa hanya Petronas, LLN, Telekom dan Sistem Penerbangan Malaysia mempunyai wang berlebihan (surplus) dalam akaun semasa mereka. Akaun surplus

ini adalah di offset oleh perbelanjaan pembangunan yang besar dan ini menyebabkan defisit keseluruhan yang besar khususnya bagi Telekom dan LLN. Maka dengan sebab itu saya menggesa bahawa pemeriksaan hendaklah dijalankan ke atas Agensi-agensi Luar Perbelanjaan dan agensi-agensi yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak produktif dan membazirkan hendaklah dihentikan sebelum ianya membazirkan lebih banyak lagi wang. Saya yakin sekiranya Bank Bumiputra tidak membazir \$2.5 billion dalam skandal BMF dan agensi-agensi luar negeri tidak membelanja berbillion-billion ringgit sudah pasti kita akan mempunyai sumber wang untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap berkenaan dengan cara-cara untuk menjimatkan wang. Sekarang saya hendak sebutkan sedikit di mana kita boleh dapat wang atau capital untuk membolehkan kita melabur dalam negeri kita di sini. Saya mahu sentuh perkara Kuala Lumpur Stock Exchange.

Kuala Lumpur Stock Exchange adalah satu sumber capital untuk pelabur-pelabur kita. Satu pasaran saham Kuala Lumpur yang stabil adalah perlu untuk mendapatkan modal swasta bagi pelabur swasta. Akan tetapi beberapa kejadian yang berlaku baru-baru ini telah menjejaskan pasaran saham tersebut dan kini ia lebih lembab. Ini berlaku disebabkan menipulasi dan "insider trading". Akibat krisis Pan El pasaran saham terpaksa digantung untuk beberapa hari dan pasaran belum pulih daripada bencana tersebut dan kesan buruknya (fall out) belum kelihatan lagi.

Rancangan Malaysia Kelima menyatakan bahawa terdapat rancangan-rancangan untuk

korporatasi firma-firma broker dan menjadikan Pasaran Saham Kuala Lumpur sebagai satu pertukaran antarabangsa. Ini cuma langkah-langkah kosmetik sahaja semata-mata. Masalah pokok ialah pengurusan dan dasar-dasar yang baik, berdisiplin dan jujur bagi Kuala Lumpur Stock Exchange. KLSE tidak dapat mendisiplin ahli-ahlinya dan para speculator serta hentikan orang-orang yang melakukan manupulasi daripada mempengaruhi pasaran sehingga menjejaskan pelabur-pelabur kecil serta menggoncang keyakinan para pelabur. Parti kita, DAP menyeru supaya sebuah Suruhanjaya Pertukaran Sekuriti ditubuhkan yang akan mempunyai fungsi untuk mengatur perjalanan KLSE serta memastikan insider trading, manupulasi dan amalan-amalan penipuan yang lain dihapuskan. Suruhanjaya tersebut akan menjadikan wajib bagi masing-masing pemegang stock yang memiliki 5% atau lebih saham dalam sebuah syarikat hendaklah dilaporkan dengan serta merta kepadanya sekiranya beliau menguruskan (deal) dalam saham-saham syarikat yang sama. Suruhanjaya tersebut hendaklah juga bertanggungjawab ke atas perakaunan, kewangan serta menetapkan kaedah-kaedah untuk akauntan-akauntan kewangan seperti memberikan maklumat yang cukup mengenai syarikat-syarikat kepada para pemegang saham dan pelabur.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sebentar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah wang yang diminta untuk kelolaan securities industry?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tetapi barangkali Yang Berhormat dari Seremban tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya memohon izin Ahli-ahli Yang Berhormat membaca Peraturan Mesyuarat 57(5) dalam bahasa Inggerisnya:

“On the motion to refer as mentioned in paragraph (3) having been proposed and seconded, the debate on the motions for the Second Reading of the Supplementary Supply Bill and the Supplementary Development Estimates shall proceed and shall be confined to the general principles of Government policy and administration as indicated by the supplementary appropriation included in the Bill and the Supplementary Development Estimates and on the general policy of the Government with respect to such of the purposes for which the Development Fund is applicable as are dealt with in the statement under subsection (2) of section 4 of the Development Fund Act, 1966. A maximum of one day shall be allotted to such debate on the Second Reading of the Supplementary Supply Bill and the Motion for a resolution to refer the Supplementary Development Estimates. At such time on the day allotted to the debate as Tuan Yang di-Pertua determines, Tuan Yang di-Pertua, shall put any question necessary to bring the proceeding relating thereto a conclusion”.

Sila Yang Berhormat berpandukan.

Dr Chen Man Hin: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam Kertas Perintah 12 Tahun 1986, Maksud P.20—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, muka 36 menyebut berkenaan dengan bangunan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Bahagian Industri-industri Kecil.

Timbalan Yang di-Pertua: Tetapi apa Yang Berhormat ucap tadi ialah berkenaan securities industry.

Walaupun ada perkataan "industri", itu lain langsung daripada takrif industri dan sebagainya. Securities industry ialah money market, finance matter dan bukan industri pembuatan. Silakan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, kalau pelabur hendak invest dia mahu capital tentulah capital daripada KLSE. Sebab itu saya sebut perkara itu. Kalau capital itu sudah di"block" oleh sebab ada spekulasi, mana boleh dia mendapat capital?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya berilah kelonggaran sedikit, tetapi jangan keterlaluan.

Dr Chen Man Hin: Ya. Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya tersebut hendaklah juga melarang mana-mana akauntan atau syarikat akauntan daripada memegang saham dalam sebuah syarikat di mana beliau atau syarikatnya adalah auditornya. Di Amerika Syarikat Suruhanjaya Pertukaran Sekuriti tidak berat sebelah dan cekap menjaga pasaran sekuriti dan saya mengesyorkan kepada Menteri Kewangan supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya seumpama itu di sini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan palabur-palabur di negara kita, kita hendaklah ada satu "investment climatic" yang baik. Di sini saya hendak tunjuk berkenaan ICA atau Akta Penyelarasan Perusahaan. Kalau ICA ini tidak ada prinsip-prinsip di mana boleh galak pelabur-pelabur, khasnya untuk industri kecil dan lain-lain, saya ingat susahlah dapat kemajuan kepada negara kita. Ada banyak orang berpendapat atau pandangan di mana ICA bukan galak pelabur-pelabur di negara kita, tetapi jadi satu "obstacle", dengan izin, dan lebih baik kita mansuhkan Akta Penyelarasan Perusahaan. Tetapi kalau kita hendak melaksanakan

dasar-dasar atau matlamat-matlamat DEB, lebih baik kita ada insentif-insentif bagi pelabur-pelabur, khasnya "tax incentive". Kalau hendak bumiputera ada ekuiti dalam kompeni itu, beri dia "tax incentive" 10% kurang tax bagi kompeni itu untuk menggalakkan "restructure equity" bagi 30% kepada bumiputera, tetapi jangan pakai ICA. Kalau kita hendak staff company itu ada 30% bumiputera, lebih baik beri kepada dia 10% tax rebate, misalnya kalau sekarang ada 40% tax untuk company, kurangkan 10% tax untuk restructure equity, lagi 10% untuk restructure staff, itu adalah satu insentif untuk pelabur-pelabur untuk membuat investment dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap banyak lagi. Kalau cakap lagi, barangkali bercakap sedikit luar. Tetapi saya rasa sangat dukacita sebab dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelima saya pun tak ada peluang, hari ini ada sedikit peluang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

4.32 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan meminta Perbelanjaan Tambahan Kedua bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh butiran Maksud P.25 peruntukan berjumlah \$65,800,000 yang diminta oleh Kementerian Pertahanan. Saya ingin bercakap tentang perbelanjaan Kementerian Pertahanan yang telah bertambah begitu besar, begitu pesat sejak akhir-akhir ini oleh kerana adanya usaha

untuk melengkapkan dan memperteguhkan pertahanan laut dan udara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara sekarang sedang menghadapi masalah kewangan yang berat dan kemerosotan ekonomi tidak dijangka akan pulih selama 1 atau 2 tahun yang akan datang, maka saya menyeru pihak Kerajaan dan Kementerian Pertahanan supaya mengkaji semula Dasar Pertahanan Negara kita dan juga mengkaji semula matlamat pertahanan kita itu sendiri. Saya berpendapat bahawa sebagai sebuah negara kecil yang mempunyai hanya 15 juta penduduk, kita tidak mampu untuk menyediakan diri kita bagi pertahanan menghadapi "conventional warfare", dengan izin. Apa yang patut dan mampu dibuat oleh kita ialah untuk menyediakan satu bala tentera dan kelengkapan pertahanan yang kira-kira cukup untuk menghadapi keadaan cemas, iaitu penyusupan secara "guerilla warfare".

Tuan Yang di-Pertua, pertahanan serupalah seperti membina sebuah pagar untuk kawasan rumah kita. Bagaimana elok dan tebal sekalipun pagar batu yang kita buat dan berapa lapis sekalipun pagar itu kita bina, ia mungkin dapat menyelamatkan rumah kita daripada setengah-setengah ancaman luar, seperti pencuri ataupun binatang-binatang liar, tetapi ia tidak mungkin dapat menyelamatkan rumah kita dari semua ancaman, misalnya ancaman ribut, ancaman panas, ancaman hujan dan lain-lain ancaman yang di luar kawalan kita. Pertahanan juga begitu keadaannya; kita mungkin dapat menyediakan 10 buah kapal yang kita beli hari ini dengan harga berbillion-billion ringgit, tetapi lamakelamaan kapal itu dengan sendirinya akan menjadi tidak "up-to-date" lagi dan kita mungkin terdedah semula kepada ancaman musuh selepas 10 tahun kita membelanja dengan menggunakan wang yang begitu besar.

Begitu juga pertahanan udara, teknologi pertahanan adalah berubah-ubah dan sentiasa bertukar-tukar dan teknologi ini tidak mungkin dapat dibeli dengan harga yang lebih murah, bahkan harganya akan naik sepanjang masa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Menghadapi keadaan harga komoditi yang merosot dan menghadapi keadaan harga alat-alatan pertahanan yang kian meningkat, negara-negara kecil seperti Malaysia ini akan tersepit kepada dua keperluan, iaitu sama ada keperluan-keperluan untuk mempertahankan diri yang sudah semestinya diadakan dan juga keperluan untuk memberi makanan dan pakaian serta hidup yang sempurna untuk rakyat. Masalah yang selalu ditanyakan oleh negarawan-negarawan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan sejak kita merdeka, bahkan sejak manusia mula mengenal tamaddun ialah sama ada kita patut membeli bullet atau bread, dengan izin, sama ada kita patut membeli peluru atau roti dan dalam konteks Malaysia, sama ada kita perlu membeli peluru atau beras untuk rakyat kita.

Kepada saya adalah jelas bahawa yang penting ialah makanan untuk rakyat dan kehidupan yang sempurna untuk rakyat, tetapi kehidupan yang sempurna tidak akan kekal tanpa pertahanan oleh kerana pencerobohan mungkin datang bila-bila masa sekalipun. Namun begitu, kita mestilah menghadapi reality hidup bahawa ada batasnya untuk kita mempertahankan diri dan apabila kita terlepas daripada batas itu, maka kita harus menyerahkannya kepada takdir. Tentulah ini satu sikap yang negatif, akan tetapi inilah hakikat hidup kita bahawa Malaysia adalah sebuah negara kecil, bahkan negara-negara ASEAN secara collective tidak

mungkin akan dapat mempertahankan diri mereka daripada serangan senjata nuklear negara-negara besar. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar dan tidak munasabah sama sekali untuk kita berganding bahu dan cuba meniru negara-negara yang mempunyai wang yang banyak untuk membeli teknologi-teknologi dari Barat di dalam bidang pertahanan semata-mata kerana kita ingin mempertahankan negara kita, dengan izin, at all cost.

Tentulah kita akan berusaha mempertahankan diri kita sehabis daya upaya kita, tetapi apabila habis daya upaya kita, maka tentulah daya upaya itu tidak ada lagi. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting bagi kita ialah menilai sejauh mana kemampuan kita untuk mempertahankan diri kita dan kita tidak harus pergi melangkah lebih daripada apa yang kita mampu untuk mempertahankan diri kita.

Pembelian 4 buah kapal penyapu projek api yang baru tiba daripada Italy baru-baru ini adalah langkah yang baik, tetapi seperti yang kita semua tahu, kawasan laut Malaysia ini amat luas dan kita tidak mungkin untuk mempertahankan setiap inci daripada perairan kita daripada pencerobohan negara asing, terutama negara-negara besar. Kalau memang ada niat mereka untuk berkhidmat dan menyerang negara kita, tidak ada apa yang dapat kita lakukan untuk mempertahankan diri sendiri.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru sungguh-sungguh supaya pihak Kerajaan menilai semula matlamat pertahanan kita supaya perbelanjaan dalam bidang pertahanan dapat diselaraskan dan dapat mencerminkan hakikat kemampuan kita yang sebenarnya.

Pada masa ini perbelanjaan Kementerian Pertahanan merupakan satu daripada dua, tiga Kementerian

yang paling banyak membelanjakan wang iaitu Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian kita mestilah menilai matlamat kita itu supaya kita tidak terus menerus berbelanja sebegitu besar wang yang sepatutnya boleh digunakan untuk faedah rakyat dan untuk faedah memberi keselesaan hidup kepada negara. Saya bersetuju bahawa kita perlu mempunyai teknologi yang tinggi di dalam bidang pertahanan kalau kita mampu, tetapi kalau kita tidak mampu, kita harus berpuas hati dengan apa yang kita ada, dengan apa yang penting di dalam bidang pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan peralatan-peralatan yang sophisticated, dengan izin, bukan teknologi yang terbaru, bukan jumlah kelengkapan yang banyak, tetapi yang penting ialah semangat mempertahankan diri di kalangan rakyat kita. Apakah kita sudah cukup kebal dengan semangat untuk mempertahankan diri atau kita tidak mengasuh rakyat kita untuk sama-sama mempertahankan diri apabila keadaan negara diancam.

Kita telah melihat suatu sejarah yang berlaku di utara negara kita iaitu di Vietnam. Apabila satu pertarungan antara teknologi pertahanan telah dilakukan, telah diuji melawan ketahanan rakyat, ternyata bahawa ketahanan rakyat yang tidak mempunyai senjata yang moden, malah menggunakan senjata-senjata yang biasa, telah dapat mengalahkan satu angkatan tentera dengan segala kelengkapan senjata yang moden.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang hendak saya sentuh dalam Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua ini ialah mengenai peruntukan sebanyak \$35 juta bagi Kementerian Perusahaan Awam di bawah Maksud B. 33. Saya ingin menyentuh di sini tentang masalah yang sering dihadapi oleh orang-orang yang membawa teksis dan juga orang-orang yang hendak

mendapat permit-permit lori. Masalah ini ialah kesulitan untuk mendapatkan permit-permit teksi dan permit-permit lori, yang sekarang saya percaya bertimbun-bertimbun permohonannya di pejabat Jabatan Pelesenan berkenaan. Saya menyedari hakikat bahawa kalau terlampau banyak diberi permit, mungkin tidak ada siapa yang akan dapat mencari makan daripada permit-permit lori dan permit-permit teksi ini. Tetapi saya fikir dalam keadaan sekarang terutama apabila negara sedang menghadapi keadaan meleset dengan pembuangan kerja yang begitu ramai, penganggur-penganggur bertambah, maka perlulah dinilai semula dasar kelulusan permit ini. Saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh berbuat demikian oleh kerana matlamat semua Kementerian, matlamat semua Jabatan Kerajaan pada keseluruhannya ialah untuk memberi seberapa ramai rakyat peluang untuk mencari makan; dan kalau ada rancangan untuk, misalnya, 10,000 orang lagi boleh mencari makan, berdiri atas kaki sendiri dengan tidak payah menyusahkan Kerajaan dengan menggunakan permit yang diberi kepada mereka, saya fikir patut pihak Kementerian ini meliberalisekan, dengan izin, pengeluaran permit-permit teksi dan permit-permit lori ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap di bawah B. 33?

Tuan Alias bin Md. Ali: B. 33.

Tuan Yang di-Pertua: B. 33, Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tengok paper yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Peruntukan di bawah B. 33, Kementerian Perusahaan Awam, ialah berkenaan dengan pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk menambah modal Lembaga tersebut.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tengok paper ini, Tuan Yang di-Pertua, tak apalah, saya sudah habis point itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya tidak betul itu jangan habiskanlah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak sebut satu lagi perkara iaitu mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Dalam Negeri— kertas ini kata P. 40 untuk pembinaan penjara bagi Jabatan Penjara yang berjumlah \$4.8 juta. Saya merujuk kepada jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Dewan ini tempoh hari menyatakan keadaan kesesakan dalam penjara begitu dahsyat sekali kerana bertambahnya banduan-banduan sebanyak 100% dalam tempoh 5 tahun yang lepas. Perkara ini adalah satu perkara yang serius. Pertama, jumlah penjenayah telah bertambah dan ini memerlukan satu tinjauan semula daripada pihak Kementerian yang berkenaan mengapa begitu banyak, begitu meningkat jumlah penjenayah dalam masa yang singkat. Keduanya ialah masalah kesesakan di dalam penjara itu sendiri. Saya bersetuju bahawa dalam keadaan apa pun penjara kita dianggap lebih selesa daripada setengah-setengah penjara di negara-negara yang sedang membangun. Itu pendapat kebanyakan orang pelawat-pelawat. Tetapi walau bagaimanapun apabila keadaan sesak ini dibiarkan berterusan dengan tidak ada usaha yang pesat dijalankan untuk membina dan membesarkan penjara-penjara baru maka keadaan ini akan menjadi lebih berat pada masa akan datang dan ia mungkin akan menarik perhatian kepada badan-badan atau persatuan-persatuan antarabangsa (international) antarabangsa yang mengambil berat tentang masalah-masalah kebajikan orang-orang salah ini. Oleh itu saya menyeru supaya pihak Kementerian ini mengadakan

lebih banyak penjara-penjara terbuka dan menggunakan tanah-tanah di dalam hutan, bukan sahaja sebagai kawasan penjara tetapi menggunakan kawasan-kawasan itu sebagai kawasan bercucuk tanam, di mana orang-orang yang dipenjarakan itu ditahan di dalam penjara dan sekali gus boleh bekerja di atas tanah yang dijadikan kawasan penjara terbuka itu. Saya percaya dengan ini akan dapat mengurangkan beban pihak Kerajaan menanggung penjenayah-penjenayah itu dan akan dapat mengurangkan kos operasi Kementerian yang berkenaan.

Satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di mana peruntukan berjumlah \$629,900 diminta. Saya ingin membuat seruan sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan ini—saya telah banyak kali bercakap tentang masalah ini dan nampaknya pihak Menteri tidak ada mengambil perhatian apa-apa pun—iaitu mengenai masalah priority bagi Kementerian ini. Saya nampak Kementerian ini mempunyai priority yang salah, prioritynya ialah menangkap orang menembak burung-burung kawalan, atau binatang-binatang kawalan. Kalau tembak rusa, tembak gajah dan sebagainya saya mengerti, sebab binatang ini akan pupus, tetapi kalau menembak burung pun ditangkap dan didenda begitu banyak dan kononnya Jabatan ini mempunyai satu pasukan komando untuk menangkap orang-orang yang menembak burung ayam hutan dan sebagainya, saya fikir tenaga dan wang ringgit dihabiskan pada perkara yang tidak betul, oleh kerana priority Kementerian ini patutlah mengawal binatang-binatang yang sebenarnya berada di dalam kawalan Kementerian ini yang merosakkan tanaman orang-orang kampung.

Ini masalah ekonomi, masalah kehidupan rakyat mestilah kita

mengambil berat oleh kerana kalau kita bercakap tentang memberi kehidupan yang lebih baik untuk rakyat, kita bercakap untuk memberi bantuan, kita menghabiskan banyak wang untuk membantu kehidupan dengan memberi subsidi kepada petani-petani tetapi di satu pihak lagi kita melepaskan binatang-binatang yang dijaga oleh Kementerian ini membiarkannya merosakkan tanaman orang-orang kampung, saya fikir tidak ada siapa yang dapat memberikan jawapan di atas pertentangan ataupun, dengan izin, contradiction, yang terdapat di antara kedua-dua Kementerian Kerajaan ini. Oleh itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap di bawah B. 48?

Tuan Alias bin Md. Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: \$130,000?

Tuan Alias bin Md. Ali: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang itulah. Duit yang diminta itu untuk membuat kerja-kerja mengubahsuai sebuah bangunan JKR di Jalan Kelantan, Kuala Lumpur.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak baca buku ini lagi. Saya baca kertas ini. Walau bagaimanapun, saya sudah nyatakan apa yang hendak saya kata itu.

Tuan Yang di-Pertua: Silap itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Itulah sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda. Mintalah bercakap atas dasar duit-duit yang diperuntukkan, bukanlah keluar

negara ini akan beruntung hasil daripada menikmati harga barangan yang murah setelah kita menikmati hasil keluaran daripada kos yang lebih rendah dengan kita menggunakan gas ini.

Saya hendak menunjukkan bahawa di Terengganu, Pusat LNG Kertih, dia mempunyai kapasiti yang tinggi iaitu sebanyak 250 MMSFD sehari. Tetapi sekarang ini hanya 28% sahaja dipergunakan. Ini sudah pastilah ia tidak boleh mendatangkan hasil kepada kita. Ini yang saya hendak sebutkan kita perlu mengembelingkan tenaga Kerajaan terutamanya PETRONAS untuk membentuk suatu polisi mengenai gas ini.

Di negara kita, kita mempunyai gas yang banyak. Semenanjung Malaysia Associated Gas sebanyak 6.3 TCF (Trilion Cubic Feet), dengan izin. Non Associated Gas 18.2 TCF. Di Miri, Associated Gas 1.6 TCF, Non-Associated Gas 0.7 TCF dan Marginal 0.2 TCF. Di Sabah, Associated Gas 0.1 TCF dan Non-Associated Gas 0.1 TCF, membawa jumlah kepada 44.6 TCF. Ini menunjukkan jumlah yang cukup banyak jika sekiranya Kerajaan dapat mengambil mempergunakan sumber ini untuk digantikan dengan penggunaan minyak yang ada sekarang ini, sudah pastilah kita akan dapat menikmati hasilnya dengan baik. Sekarang ini pihak PETRONAS mempunyai suatu perjanjian dengan beberapa syarikat yang rasa saya berat sebelah. PETRONAS adalah terikat dengan Sarawak Shell, PETRONAS Carigali dan EPMI (Esso) di mana dalam perjanjian ini had maksima jualan kasar adalah dibayar sebagai royalti untuk Negeri-negeri, maksima 25% daripada jualan kasar adalah sebagai capital expenditure.

Yang ketiga, baki 65% daripada jualan kasar itu adalah dikongsi 30% untuk EPMI dan 70% untuk PETRONAS.

Ini sebabnya saya hendak menggalakkan dan hendak menyebutkan soal pinjaman yang diberikan kepada Sabah untuk perusahaan gas, gas grid ini. Inilah bentuk perjanjian di antara PETRONAS dengan ketiga-tiga syarikat tadi. Selepas ditolak bayaran di atas tadi, PETRONAS memperolehi 45% jualan kasar dan kontraktor memperolehi 19.5%. Ini menunjukkan suatu bayaran yang tinggi yang dilakukan oleh PETRONAS kepada pihak kontraktor. Apa yang dapat dilihat Kerajaan kurang menekankan usaha untuk mengembangkan kemajuan penggunaan gas supaya meluaskan bagi menambahkan pendapatan negara. Antara perkara-perkara yang boleh dilakukan dengan gas ini ialah:

- (1) memajukan bidang petro-chemical feed-stock. Bila baja yang kita keluarkan murah, petani boleh beli baja murah, baja harga murah dan dapat hasil tinggi, maka akan gembiralah rakyat kita, tetapi sekarang tidak diperolehi, terpaksa dibayar subsidi untuk murahkan harga baja itu, sedangkan kita boleh melakukan dengan penggunaan gas yang lebih meluas ini.
- (2) memperluaskan penggunaan untuk industri seperti yang disebutkan tadi, gas murah, barang keluaran murah, rakyat menikmati harga yang murah.
- (3) penggunaan untuk rumah-rumah boleh disalurkan seperti mana di Tokyo, Jepun, di negara Amerika dan negara maju yang menyalurkan gas ini ke rumah-rumah. Kalau air boleh disalurkan, kuasa elektrik boleh disalurkan, mengapa gas ini tidak boleh diterokai oleh negara kita?

Petronas juga dalam soal menetapkan harga, ini satu soal yang

penting pada saya, menetapkan harga lantai dan juga harga siling, dengan izin, ceiling price and floor price. Kadarnya pada setiap tahun harga gas ini akan dinaikkan, minima 2% dan paling tinggi 7%. Jadi setiap tahun rakyat negara kita ini akan membayar lebih 2% harga gas, tidak ada satu bentuk harga yang boleh difikirkan baik, yang boleh turun naik mengikut keadaan pasaran yang ada pada masa ini, yang tidak realistik pada pandangan saya. Oleh itu, satu bentuk harga gas yang realistik dan pragmatik perlulah:

- (1) bagi memberi pertimbangan kepada bahagian-bahagian pasaran yang berbeza seperti yang saya sebutkan tadi.
- (2) penggunaan untuk janakuasa elektrik, untuk industri dan untuk keperluan seluruh rakyat di dalam negara ini.

Berdasarkan kepada objektif kasar yang saya sebutkan tadi, perkara-perkara berikut adalah boleh dilakukan oleh PETRONAS dalam usaha untuk mengembangkan penggunaan gas ini:

- (1) mengembelangkan penggunaan gas yang bernilai di mana sekarang merupakan harta yang tidak ternilai tingginya;
- (2) memaksimumkan penggunaan gas bagi menghapuskan import yang ada sekarang;
- (3) bagi meninggikan taraf perindustrian negara;
- (4) bagi memperbaiki mutu kehidupan masyarakat secara keseluruhannya;
- (5) menambahkan pendapatan eksport dan memperbaiki imbalan pembayaran negara, kalau kita hendak buat untuk dieksport;
- (6) akan meningkatkan penggantungan national energy; dan

- (7) mempelbagaikan struktur ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bercakap lain daripada yang di bawah 4.13 itu. Percakapan itu di atas perkara berkenaan dengan \$125.5 juta itu. Kalau bercakap di atas perkara am, gas dan PETRONAS dan sebagainya, saya ingat itu bersalahan dengan Peraturan Mesyuarat 67 (5).

Ini hendaklah dihadkan kepada perkara yang diminta, duit yang diminta itu sahaja. Yang boleh dicakapkan di atas dasarnya, betulkah atau tidak duit itu dibelanjakan? Jangan bercakap di atas hal yang luas berkenaan dengan negara, berkenaan dengan gas dan sebagainya yang dikehendaki oleh negara, dasar yang patut dibentuk oleh negara. Pada fikiran saya itu terkeluar daripada kehendak Peraturan Mesyuarat 67 (5).

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun telah habis bahagian itu. Sekarang saya masuk kepada Kertas Perintah 11, Perkara 4 Maksud B.5, muka surat 5, tentang permintaan tambahan sebanyak \$1,034,100, untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi pembelian komputer.

Tuan Yang di-Pertua: Muka surat 5?

Tuan Othman bin Abdul: Ya, muka surat 5, Memorandum Perbendaharaan. Cuma saya hendak menyebutkan di sini kalau boleh pembelian komputer-komputer itu kalau sekadar untuk memasukkan data kakitangan Kerajaan seperti yang dibuat oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM). KTM, dia beli juga komputer, tetapi apabila kita melawat pejabatnya, dia menunjukkan penggunaan komputernya hanyalah untuk memasukkan butir-butir peribadi pegawai-pegawai KTM.

Kalau ini yang dibeli adalah satu perkara yang tidak mustahak. Kalau beli komputer hendak masukkan particulars pegawai-pegawai Kerajaan di dalam komputer itu, saya rasa itu tidak mustahak. Kalau kita beli komputer ini untuk tujuan memperbaiki prestasi pekerjaan macam KTM di bawah perkara B.29.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Kertas Perintah apa?

Tuan Yeoh Poh San: Kertas Perintah 13, 1983 dan juga di Jadual yang dibentangkan dengan Kertas Perintah 12, 1986. P. 19, Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebanyak \$0 077 210 di bawah Kementerian

berkenaan dengan perbelanjaan peruntukan untuk kelapa sawit. Jika tidak ada tidak bolehlah diucapkan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tambah pula Kementerian Perusahaan Utama. Jadi saya sekarang babit kedua-dua Kepala, Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya tidak ada peruntukan, saya ingin bertanya daripada Kementerian Kewangan adakah peruntukan permintaan untuk kelapa sawit? Ya sila.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling tengok betul-betul \$70 ini hanyalah peruntukan tanda sahaja, ada yang \$20, \$10, tetapi barangkali dia hendak ambil peluang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi tidak ada permintaan wang, hanya \$10 itu sebagai token. Jadi yang demikian tidak bolehlah diucapkan berkenaan dengan kelapa sawit di bawah Kementerian Perusahaan Utama, jikalau hendak ucap bercanggahlah dengan Peraturan Mesyuarat 67(5).

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, saya juga sentuh Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: P.19 tidak ada kelapa sawit. Maksud P.18 sungguhpun di bawah Kementerian Perusahaan Utama, tetapi peruntukan untuk kelapa sawit tidak diminta.

Tuan Yeoh Poh San: Saya rasa sudah habis, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekarang sentuh membasmu kemiskinan dari golongan petani dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi subsidi sebanyak \$2,115 juta bagi Kementerian Pertanian yang dikeluarkan di bawah Rancangan Malaysia yang Keempat telah dikurangkan di bawah Rancangan Malaysia yang Kelima ke paras \$505.95 juta untuk subsidi in-put padi dan membatalkan subsidi-subsidi lain. Saya tidak faham alasan Kerajaan mengenai langkah yang diambilnya untuk mengurangkan subsidi terhadap sektor pertanian di mana kaum tani mengalami kesusahan dalam suasana ekonomi negara sedang meleset dan harga komoditi yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan ini munasabah dan selaras dengan matlamat Kerajaan untuk membasmu kemiskinan di kalangan petani dan nelayan? Ada banyak lagi cara untuk Kerajaan mendorong kaum tani atau nelayan berdikari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun. Ya! minta jalan?

Tuan Yeoh Poh San: Boleh.

Tuan Hussein bin Mahmud: Kalau dia tidak bagi, saya hendak minta di bawah Standing Orders.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap fasal subsidi, saya pandu pada muka surat 16 dan 17, Kertas Perintah 12/86, tidak ada pun Kementerian minta subsidi baja bagi tambahan peruntukan ini. Perkara 9 subsidi baja padi kosong, muka surat 17. Saya sekadar membangkitkan serta mengingatkan sahaja, masalah keputusan itu terpulanglah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dalam tahun 1985.....

Tuan Hussein bin Mahmud: Tidak ada permintaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat tidak ada permintaan dalam tahun 1985 subsidi baja. Jadi tidak bolehlah diucapkan di atas perkara perkara itu.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apabila saya sentuh Dasar Pertanian kita, saya sentuh sedikit sahaja sebagai contoh.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yeoh Poh San: Sehingga kita semua di Dewan yang mulia ini boleh fahamlah dengan teliti sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, siapa dan golongan mana yang menikmati subsidi ini? Semasa kita ada wang kita melabur bermillion ringgit di dalam projek-projek yang tidak dapat membantu industri

pertanian kerana projek-projek Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang besar hanya menguntungkan dan melibatkan penduduk di bandar atau rakyat yang berada sahaja. Sekiranya pelaburan dibuat di bidang pertanian dan industri berasaskan pertanian kita sudah tentu tidak akan mengalami masalah ekonomi yang begitu teruk. Untuk perkara ini menjadi kenyataan, bantuan teknikal serta lain-lain bantuan perlu ada dan perlu dihulurkan kepada pihak yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mengutarakan padi secara besar-besaran. Usaha di Pulau Pinang telah ditimpa beberapa masalah. Ini disebabkan dasar pertanian kita. Adakah segala kegagalan di Pulau Pinang akan dapat menentukan kejayaan rancangan yang disyorkan ini?

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa sistem perparitan yang ada di kawasan jelapang padi tidak sesuai dengan usaha menanam padi secara besar-besaran. Kawalan air kurang memuaskan dan hanya sesuai sekiranya usaha ini masih mengekalkan plot tanah yang kecil sahaja. Kejayaan yang tercapai di Pantai Timur tidak boleh digunakan sebagai kayu ukur (yardstick), Tuan Yang di-Pertua, kerana keadaan berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ingin saya sentuh Kertas Perintah 11 dan 13 Tahun 1986 bagi Kementerian Pertahanan, P. 25 sebanyak \$65,800,000 dan juga di bawah Kementerian Kerjaraya iaitu B. 61 sebanyak \$4 million dan P. 61 sebanyak \$310,000,040—tiga kepala serentak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan kita telah memberi perhatian penuh untuk mencegah

pengaliran wang dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara kita, namun begitu Kerajaan tetap berdegil dan enggan mengurangkan belanja terhadap kemajuan dan rancangan yang boros terutama dalam pertahanan dan keselamatan dalam negeri serta pembinaan lebuhraya-lebuhraya dan jambatan-jambatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati Rancangan Malaysia Kelima telah menguntukkan sebanyak \$7,664.1 juta bagi pembinaan jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Adakah perlu, Tuan Yang di-Pertua, kita membelanja wang yang sebegitu besar untuk jalan dan jambatan? Di bawah Rancangan Malaysia Keempat kebanyakan kontrak membina jalan-jalan dan jambatan telah diberikan kepada kontraktor Jepun dan Korea Selatan yang mana hasilnya berjuta-juta ringgit wang kita telah mengalir ke luar negeri. Saya ingat ini semua adalah akibat "Dasar Pandang ke Timur". Ini tentu sekali merugikan kita, Tuan Yang di-Pertua, terutama kontraktor-kontraktor, jurutera-jurutera dan arkitek-arkitek tempatan. Adakah peruntukan yang bertambah di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini akan dilaksanakan serupa dengan Rancangan Malaysia Keempat untuk menguntungkan warganegara asing seperti orang Jepun dan orang Korea Selatan?

Tuan Yang di-Pertua, ada juga terdapat di mana pembinaan rancangan-rancangan rumah-rumah murah telah diberikan kepada syarikat-syarikat asing. Salah satu daripadanya ialah Rancangan Perumahan Yang Phee Sang di Menglembu, Perak di mana Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak telah bekerjasama dengan sebuah syarikat Jepun. Mengapakah rancangan dan projek seperti ini yang boleh menyelamatkan berjuta-juta ringgit wang dari

pertukaran asing tidak diberikan kepada orang-orang kita?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri adalah terlalu tinggi. Kita tidak semestinya terperangkap bahawa dengan membeli senjata-senjata moden bagi angkatan bersenjata kita maka mutu keselamatan akan tercapai. Selera angkatan tentera kita memang sentiasa gemar kepada senjata-senjata moden dan terbaik seperti kapal terbang pejuang dan sebagainya. Pembelian-pembelian serupa ini, Tuan Yang di-Pertua, selalunya sia-sia sahaja terutama sekali apabila senjata-senjata dan jentera-jentera ini tidak dipakai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak semestinya tunduk dengan pujuk rayu pengedar-pengedar senjata antarabangsa yang hanya mementingkan keuntungan. Pengaliran tukaran asing berhubung dengan pembelian serupa ini adalah tidak patut dan wang serupa ini lebih baik dibelanjakan bagi perumahan, kesihatan dan pelajaran rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ingin saya sentuh P.47 di bawah Kementerian Buruh sebanyak \$40 dan juga B.13 bagi Kementerian Kehakiman iaitu emolumen bagi kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada masalah tentang tenaga buruh dan guna tenaga. Saya dapati bahawa Kerajaan telah pun menyediakan rancangan-rancangan dengan begitu rapi bagi mengatasi berbagai masalah yang mungkin dihadapi akibat daripada peningkatan tenaga buruh dan kekurangan ke atas keperluan guna tenaga disebabkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan atau yang lembab.

Saya ingin menyuarakan supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih serius ke atas masalah pengangguran yang dikatakan akan meningkat dari 7.6% bagi tahun 1985 kepada 10.1% menjelang tahun 1990.

Kita amat bimbang, Tuan Yang di-Pertua, jika kadar pengangguran kian meningkat, ianya boleh menimbulkan berbagai masalah sosial di negara ini. Perbuatan-perbuatan seperti melakukan jenayah, hilang akhlak dan lain-lain yang tidak terkawal akan juga turut meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak seharusnya membiarkan masalah pengangguran dan pembuangan.....

Datuk William Lye Chee Hien: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Di bawah Kementerian Buruh kami cuma minta \$40 di bawah empat tajuk dan berkaitan dengan Pusat Latihan Perusahaan, tidak ada kena-mengena dengan pengangguran seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat bercakap keluar daripada kehendak 67(5). Boleh diucapkan di atas permintaan wang yang hendak ditambahkan, jikalau keluar daripada itu tak bolehlah berucap di atas dasar-dasarnya. Dalam Kementerian Buruh ini hanya diperuntukkan \$40 dan kebanyakannya token yang diminta. Jadi, tidak ada permintaan. Bagaimanakah hendak diucapkan? Sila teruskan, yang mana ada peruntukan, itu boleh diucapkan.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat Timbalan Menteri tidak dengar ketentuan yang kedua saya terhadap kakitangan

Kerajaan. Ini adalah satu latarbelakang sahaja. Saya akan datang ke masalah pegawai Kerajaan nanti. Jadi, ini berkait sedikit sebanyak dengan Kementerian Buruh sahaja. Itu by the way. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita mohon ini ialah cuma token sahaja dan di bawah permintaan untuk Pusat Latihan Perusahaan.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Saya bukan menyentuh pengangguran dan yang saya sentuh ini ialah sebagai satu latarbelakang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Yeoh Poh San: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak seharusnya membiarkan masalah pengangguran dan pembuangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang itulah yang tidak dibenarkan.

Tuan Yeoh Poh San: Satu line sahaja. Okay, saya potong itu, Tuan Yang di-Pertua.

Sungguhpun Kerajaan lebih bergantung kepada sektor swasta bagi menyediakan pekerjaan-pekerjaan, tetapi Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab bagi menentukan tenaga buruh digunakan dengan cara yang maksima di semua bidang sektor swasta dan juga sektor-sektor awam. Itulah point saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya ada setengah-setengah firma atau syarikat-syarikat dan kilang-kilang menjalankan

kegiatan perusahaan mereka dengan menggunakan tenaga pekerja yang kurang daripada keperluan sebenar dan sebaliknya menggalakkan pekerja-pekerja membuat kerja-kerja lebih masa. Pekerja-pekerja yang bergaji kecil sudah tentu terpaksa membuat kerja-kerja lebih masa disebabkan takut hendak menolaknya atau ingin menambahkan pendapatan mereka. Majikan pula lebih gemar mengamalkan kerja-kerja lebih masa.....

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada Yang Berhormat yang bangun, kerana pada fikiran saya itu pun tidak ada kena-mengena dengan perkara yang dibincangkan di hadapan kita. Latihan ataupun perkara-perkara yang bersangkutan dengan buruh dengan kerana Kementerian Buruh minta hanya token \$40 jadi tidak ada kena-mengena. Sila. Saya ingat saya sudah beritahu. Cukuplah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Cuma, Tuan Yang di-Pertua, satu komen sahaja. Jawapan Tuan Yang di-Pertua itu betul. Saya pun hendak bercakap demikian. Mengikut Standing Order 67 (5) dan juga mengikut peruntukan-peruntukan yang tertentu yang hanya membenarkan kita hanya satu hari sahaja membahaskan perkara ini. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat supaya Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak lagi dibenarkan bercakap perkara-perkara yang tidak langsung disebut di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta janganlah bercakap perkara yang tidak disebut di hadapan kita ini dan mengikut Peraturan Mesyuarat, pukul 6.05 minit saya akan meminta Yang Berhormat Menteri di Kementerian menjawab dengan kerana ia diperuntukan dalam Peraturan

Mesyuarat hanya satu hari sahaja di atas dasar dan oleh sebab diuntukkan satu hari itu, kita sepatutnya bercakap di atas peruntukan-peruntukan yang diberi di atas dasarnya, bukan di atas segala yang lain-lain bersangkutan dengan mana-mana Kementerian. Sila teruskan dan mintalah supaya boleh digolongkan ucapan Yang Berhormat itu.

Tuan Yeoh Poh San: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi, dengan izin, with the greatest of respect, Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke point saya, tetapi tak apalah, saya akan pendekkan, oleh kerana ada Ahli Yang Berhormat yang tidak akan pandang ucapan secara semua. Jadi, tak apalah, Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin menyentuh sedikit masalah pegawai-pegawai Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah mana pegawai Kerajaan itu? Di bawah kepala apa itu?

Tuan Yeoh Poh San: Sebentar tadi saya sudah sentuh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tiada peruntukan. Yang hendak disentuh itu kena di atas peruntukan.

Tuan Yeoh Poh San: Peruntukan B.13, Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$42,350,200 adalah dikehendaki untuk menampung bayaran emolumen bagi kakitangan baru atas Maksud B.13 dan ada juga di bawah peruntukan untuk Pentadbiran Am ataupun Public Sector Administration. Semua saya boleh sentuh, Tuan Yang di-Pertua. Administration cost. Administration cost berkaitan dengan pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kertas Perintah nombor berapa?

Tuan Yeoh Poh San: Kertas Perintah 11 Tahun 1986, Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.13.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sentiasa memerlukan perkhidmatan awam yang bermutu tinggi. Kekurangan pegawai dan kakitangan di dalam setengah perkhidmatan penting seperti perkhidmatan perubatan dan kesihatan, pelajaran, pos dan lain-lain adalah satu punca kelemahan untuk menyediakan perkhidmatan yang baik dan cekap untuk orang ramai. Walaupun Kerajaan sedang mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan mengurus tindakan itu tidak sepatutnya menjejaskan perkhidmatan yang mana keperluan orang ramai kian bertambah dari masa ke semasa.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi menentukan tenaga pekerja diambil dengan sepenuhnya sama ada di dalam sektor swasta mahupun sektor awam sebagai satu cara untuk mengatasi masalah yang kita hadapi pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan tidak membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing bagi mengatasi masalah pengangguran dan pembuangan kerja di negara ini. Kita berharap Kerajaan juga akan mengambil tindakan susulan dengan tegas ke atas majikan-majikan yang enggan memberi kerjasama atau engkar kepada keputusan ini. Tindakan ke atas pendatang-pendatang haram juga perlu dipertingkatkan dan hukuman yang lebih berat hendaklah dikenakan ke

atas sebarang sedikit atau orang perseorangan yang bertanggungjawab atau bersubahat dengan kemasukan pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan seharusnya memberi perhatian terhadap masalah hubungan majikan dan pekerja. Ini adalah dianggap sebagai satu aspek yang penting bagi menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi. Lebih-lebih lagi di dalam keadaan ekonomi negara yang tidak pasti ketika ini, kita perlu perhubungan yang baik di antara majikan dan pekerja atau Kesatuan Sekerja bagi mewujudkan suatu perhubungan perusahaan yang harmoni di negara ini. Dengan perhubungan perusahaan yang harmoni kita berharap segala bidang perkhidmatan, pengeluaran, perladangan, perlombongan dan lain-lain dapat dijalankan dengan baik walaupun dengan keadaan ekonomi yang lembap.

Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan termasuk Kerajaan sebagai majikan bagi perkhidmatan awam hendaklah memberi perhatian dan pertimbangan yang adil dan saksama kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja. Sebarang pertikaian perusahaan yang berpanjangan dan berterusan antara majikan dan pekerja akan mengakibatkan implikasi yang buruk kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan sebagai majikan yang terbesar dapat mengatasi pertikaian perusahaan antara Kerajaan dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam atau, dengan izin, CUEPACS mengenai isu tuntutan pelarasan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam yang telah berlarutan hampir dua tahun. Sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan sendiri, rakyat juga mahukan sebuah Perkhidmatan

Awam yang cekap dan produktif dan sekiranya pekerja-pekerja terus asyik menuntut kenaikan gaji, saya berpendapat mereka tidak akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada kerja-kerja yang dijalankan. Kita tidak mahu sebarang tindakan perusahaan oleh pekerja-pekerja sektor awam yang boleh menjejaskan dan menyulitkan lagi keadaan ekonomi negara ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, wang \$40 tadi diberi untuk Institut Latihan secara polisi.

Saya ingin sentuh sedikit atas tenaga buruh (workforce) wanita. Tuan Yang di-Pertua, wanita adalah setengah daripada buruh negara ini dan terdiri daripada $\frac{1}{3}$ tenaga buruh. Kerajaan selalu berjanji iaitu peluang-peluang yang sama akan terus diberikan kepada kaum wanita dari aspek pekerjaan pelajaran dan lain-lain faedah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pada kenyataannya hampa sekali. Mengikut banci tenaga buruh tahun 1979 dari segi pekerjaan di Pejabat, tiada wujud keseimbangan penempatan di dalam kategori pentadbiran, pengurusan dan jualan. Kaum wanita masih ramai tersekat di dalam bidang perkeranian dan perkhidmatan. 2% daripada kaum lelaki yang bekerja mengisi jawatan-jawatan pentadbiran dan pengurusan berbanding dengan 0.2% daripada kaum wanita. Kebanyakan wanita profesional dan teknikal bertugas di peringkat bawah sekali di dalam hierarchy professional.

Tuan Yang di-Pertua, ada di kalangan wanita di dalam tenaga buruh tiada mempunyai pelajaran yang formal. Hampir 70% daripada tenaga buruh wanita tidak mempunyai pelajaran menengah dan dengan itu terpaksa berpuas hati dengan bayaran upah atau gaji yang rendah dan menjalankan kerja-kerja yang menjemukan seperti di kilang-kilang elektronik dan lain. Kerajaan mesti

mengambil berat keadaan wanita di negara ini dan harus mengambil langkah-langkah untuk memberi mereka peluang yang sama di semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya sentuh peruntukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berjumlah sebanyak \$130,000 di bawah Maksud B. 48 dan juga wang sebanyak \$449,900 di bawah Maksud P. 48. Jumlah bagi kedua-dua Maksud ini \$629,900.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa dukacita dan sedih apa yang diusahakan oleh Kerajaan untuk mencegah pencemaran alam sekitar belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang cadangan pembuangan sisa radioaktif ataupun radioactive waste.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bercakap di atas peruntukan \$130,000 itu sahaja—luar daripada itu tidak boleh—di bawah B.48 di atas \$130,000 itu sahaja di atas dasarnya.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, ada dua Maksud, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahulah tetapi bercakap berkenaan B. 48 dahulu. Bercakap bersangkutan dengan peruntukan \$130,000. Jika bercakap berkenaan dengan perkara-perkara lain seperti perkara sisa-sisa, elektronik dan lain-lain, ini tidak bersangkutan kerana duit \$130,000 ini ialah berkaitan dengan kerja mengubahsuaikan sebuah bangunan JKR di Jalan Kelantan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, itu di bawah B. 48, tetapi saya juga sentuh P. 48.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yeoh Poh San: Jadi saya boleh sentuh satu, dua perkara atas dasar atau wang yang digunakan untuk kerja-kerja Kementerian yang tidak ada di dalam Kertas Perintah 13 di bawah Maksud P. 48.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hussein bin Mahmud: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmud: Di bawah Perkara Standing Order.

Tuan Yeoh Poh San: Saya belum beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hussein bin Mahmud: Standing Order 67 (5), kalau dapatlah boleh beri jalan?

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau di atas point of order boleh, sila teruskan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Mengikut muka surat 63 permohonan yang diminta ialah untuk Zoo Negara (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tolong gulungkanlah ucapannya itu.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, Tuan Yang di-Pertua, dengan respect, with the greatest of respect, saya sendiri sentuh Standing Order 67 (5) yang berbunyi:

“The debate shall be confined to the general principles of Government policy and

administration as indicated by the supplementary appropriation included in the Bill and the Supplementary Development Estimates and on the general policy of the Government with respect to each of the purposes.....”.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, perkataan yang “key” itu ialah “appropriation” atau wang itu; dan di atas dasar-dasar itulah, di atas duit itulah yang hendak dibahaskan; luar daripada itu tidak bolehlah.

Tuan Yeoh Poh San: Ya, betul Tuan Yang di-Pertua, tetapi wang yang digunakan ini untuk projek yang akan terlibat isu radioaktif ini. Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya terkeluar, sila Tuan Yang di-Pertua tahankan saya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ingin memuji Kerajaan atas keputusannya membatalkan rancangan membuang sisa radioaktif di Papan tetapi saya berasa dukacita kerana mengambil keputusan untuk membuang sisa yang sama oleh kilang asing Rare Earth di kaki bukit Keledang dan Menglembu yang penuh sesak dengan penduduk. Beribu-ribu penduduk Kampung Baru Bukit Merah berasa bimbang kerana ini bermakna mereka akan dihimpit oleh kilang tersebut dan tapak pembuangan sisa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat Jepun mempunyai saham yang besar. Jadi saya mencadangkan Kerajaan sepatutnya memandang berat tentang rayuan penduduk-penduduk di situ dan mengambil tindakan untuk mengubah tapak yang dicadangkan ke tempat yang lebih sesuai. Adalah lebih baik jika sisa-sisa ini dihantar ke Jepun.

Tuan Hussein bin Mahmud: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Yeoh Poh San: Adakah dia minta jalan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Hussein bin Mahmud: Bukan, Standing Order 67(5).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana terpaksa sekali lagi mengganggu. Jikalau saya boleh tolong Yang Berhormat dari Petaling, perkara yang boleh beliau bincangkan adalah soal Zoo Negara di mana permohonannya ialah sebanyak \$499,900. Saya tetap menegaskan, demi untuk menjimat masa Yang Berhormat itu janganlah bercakap tentang perkara-perkara yang tidak ada dan di luar peruntukan perbincangan kita dan janganlah dijadikan Dewan ini sebagai, dengan izin, "a mockery".

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya rasa \$499,900 itu tidak ada dalam perkara ini, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat tutupkan ucapan Yang Berhormat. Bolehkah?

Tuan Yeoh Poh San: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tutupkan ucapan.

Tuan Yeoh Poh San: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh Peraturan Mesyuarat 36 (6). Saya tidak berniat untuk merendahkan maruah Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, jadi wang sebanyak \$625,900 yang akan diberi kepada Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya berharaplah Kementerian itu akan betul-betul menggunakan wang ini. Dan dalam menjalankan dasar-dasar Kementerian itu, saya berharaplah Menteri yang berkenaan akan mengambil berat cadangan-cadangan ataupun perasaan-perasaan rakyat Malaysia seperti penduduk-penduduk di Menglembu yang saya sentuh itu dan juga penduduk-penduduk di Ampangan Bakun (Bakun Damp).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Saya minta bercakap sehingga pukul 6.00 boleh, fasal kita hendaklah mengikuti Peraturan Mesyuarat iaitu satu hari sahaja.

5.51 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan peruntukan tambahan sebanyak \$3,608 juta iaitulah peruntukan yang diberi tambahan kepada pembangunan dan juga tambahan kepada pengurusan. Bahawa pertambahan yang sebanyak \$3.6 bilion ini adalah merupakan pertambahan yang banyak bagi sebuah negara yang membangun seperti negara kita ini. Walaupun kita sepatutnya dapat mengelakkan daripada perbelanjaan luar jangka yang diberikan itu tetapi apa yang saya kehendaki biarlah perbelanjaan perbelanjaan tambahan ini tidak akan terkeluar daripada peruntukan Belanjawan 1985 iaitulah within the Budget yang telah kita luluskan pada tahun-tahun yang lepas.

Kalau kelebihan terlampau banyak daripada Budget yang kita luluskan sudah tentu ianya akan merupakan

tanggungjawab pengurusan bagi penyediaan Budget itu adalah sudah tidak wajar atau sudah tidak begitu teliti hingga sesuatu peruntukan tambahan itu begitu banyak melebihi daripada apa yang sepatutnya. Dan kita tahu di dalam peruntukan Belanjawan pada tiap-tiap tahun tentu ada di antaranya perbelanjaan yang lebih sebagaimana yang kita minta sekarang ini. Tetapi ada juga perbelanjaan yang tidak habis daripada peruntukan yang diberikan itu. Jadi, kalau tambahan \$3.6 bilion ini ianya tidak terkeluar daripada Belanjawan ataupun terkeluar tidak begitu berbeza adalah amat baik bagi sebuah negara kita yang membangun ini, kerana kalau kita menyediakan perbelanjaan tambahan ini jauh perbezaannya dengan Belanjawan yang telah kita luluskan, ini merupakan sesuatu yang tidak kena semasa kita menyediakan Budget, sebab perbelanjaan luar jangka ini adalah perbelanjaan yang sedikit yang sepatutnya kita gunakan untuk peruntukan bagi mengurus pembangunan ataupun perbelanjaan mengurus.

Saya pergi kepada Butir B.2—Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang telah membelanjakan sebanyak \$183,200 adalah semata-mata untuk membincangkan masalah hal kafir-mengkafir sesama Islam. Jadi, begitu senang orang PAS mengeluarkan fatwa ini—mengeluarkan fatwa isu kafir-mengkafir tetapi Kerajaan kerugian \$183,200 kerana fatwa yang dikeluarkan oleh orang PAS. Ini adalah tanggungjawab orang PAS supaya tidak lagi mengeluarkan fatwa yang bukan-bukan seperti yang dikeluarkan ini. Dan perbelanjaan yang besar ini merupakan tanggungjawab Kerajaan bagi menghilangkan keraguan yang timbul di dalam masyarakat Islam, masalah kafir-mengkafir yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang tidak

bertanggungjawab menggunakan ayat-ayat Quran, menggunakan Hadis-hadis yang suci itu demi untuk kepentingan parti mereka, semata-mata untuk kepentingan pilihanraya atau kepentingan mendapatkan kerusi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita telah membincangkan masalah kafir-mengkafir ini dan membelanjakan peruntukan sebanyak \$183,200 maka sepatutnya keputusan yang dibuat di dalam perbincangan ini dihebahkan dan disiarkan secara besar-besaran, terutama kepada pemimpin-pemimpin PAS sendiri. Jika sekiranya pemimpin ini masih engkar lagi, maka diadakan denda atau peruntukan denda sesiapa engkar daripada keputusan yang dibuat oleh Majlis Raja-raja atau Majlis Fatwa dan sebagainya demi untuk kepentingan perpaduan kita sesama Islam ini. Tetapi kalau kita membelanjakan \$183,200 benda itu tidak dihebahkan dan tidak mempunyai apa-apa kesannya, orang PAS masih mengeluarkan kenyataan, sampai Majlis Fatwa Agama mengeluarkan fatwa tidak mati syahid pun, dia kata mati syahid. Jadi, semuanya ini adalah merupakan sesuatu gejala buruk dan gejala-gejala boleh merendahkan orang-orang Islam dan juga boleh menjatuhkan pemimpin-pemimpin Islam yang tidak bertanggungjawab itu sendiri. Ini amat mendukacitakan saya.

Saya pergi kepada B.45—Jabatan Penyiaran. Jabatan Penyiaran telah membelanjakan sebanyak \$200,500 untuk menayangkan filem-filem dokumentari serta rancangan dan liputan-liputan khas, radio dan juga TV sebagai penerangan kepada rakyat. Yang amat mendukacitakan saya di dalam penyiaran ini, dalam pengakuan yang dibuat oleh pengikut Ibrahim Libya dan juga adik kepada Ibrahim Libya sendiri—Ibrahim Mahmood sendiri. Mengapa gambar yang ditemuramah kepada pengikut

dan juga adik Ibrahim Libya itu tidak diberi semua tubuh sekali, maknanya biar nampak kakinya sekali. Kerana, kalau nampak sekerat orang PAS kata tengok di bawah itu ada senapang, ada bom kalau tidak cakap betul bom itu mesti meletup ataupun senapang itu akan meletup. Jadi, lain kali jangan selindungi.

Kita di kampung ini susah, kalau boleh tunjuk sampai ke bawah, jangan pakai kain pun tidak apa—tudunglah sedikit. Bermaknanya biar bulat-bulat tunjukkan kepada mereka bahawa ini pengakuan sebenarnya. Jadi, kalau kita melindungi-lindungi sekerat, nanti dia kata tengok sekerat itu, yang jurugambar pegang mike, yang lagi satu pegang senapang M.16. Kalau sekiranya cakap bohong sahaja, “pang”. Inilah benda-benda yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang tidak bertanggungjawab yang saya kata dalam butir yang dahulu saya sebutkan tadi. Jadi, perkara-perkara ini dibetulkan.

Yang paling sedih pula, orang yang beri pengakuan dalam TV itu pergi bersyarah pula di Kuala Terengganu, cerita kata: yang saya bercakap dalam TV itu saya kena ugut, kata dia. Ini satu lagi. Saya kena ugut, dia yang cerita karut. Sebab itu saya kata biar terang-terang tunjuk. Begitu juga Peristiwa Memali yang satu masa dahulu hendaklah tunjuk kesemuanya jangan ada selingan percakapan supaya mereka ada mata boleh tengoklah sejelas-jelasnya. Kalau kita tunjuk sekerat, kita bercakap; tunjuk sekerat, kita bercakap. Dia kata: tengok dia bercakap, dia potong, sekejap lagi dia bubuh gambar apa-apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Gambar kesemua pun mereka boleh tuduh juga, kata ada senapang tepi itu (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hendak cerita penyiaran ini tunjuk betul-betul kerana puak-puak ini bukan betul sangat fikirannya. Kalau boleh, biarlah gambar-gambar ditunjuk secara penuh.

Satu lagi dalam penyiaran ini tidak ada penyelarasan di antara TV3 dengan Channel 1 dan Channel 2 RTM, tidak ada penyelarasan. Kita ada macam-macam peminat, kadang-kadang orang minat Warta Berita, ada juga. Kalau Warta Berita, TV Kerajaan Channel 1, 2 ini pukul 8.00, mengapa tidak boleh TV3 buat pukul 8.30, mengapa mesti juga pukul 8.00? Kadang-kadang Warta Berita itu tak sama. Kadang-kadang anak hendak tengok rancangan Warta Berita Kerajaan, kita hendak tengok TV3, tambahan orang PAS hendak tengok TV3, DAP lagi banyak tengok rancangan TV3 (*Ketawa*). Jadi, dengan sebab itu supaya janganlah.....

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa TV3 itu, fasal lebihkan atau bagaimana?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Asal dia boleh dapat duit. Untuk keluar gambar boleh bayar duit, Tuan Yang di-Pertua, jadi dia boleh bayar. Maknanya penyiaran ini dia boleh beli, buat berniaga (*business*). Jadi orang banyak duit, dia boleh beli, keluar gambar macam semalam; tanya sedikit dalam Dewan, keluar gambar Ketua Pembangkang. Saya tengok TV3 kelmarin. Saya ingat Ketua Pembangkang ataupun DAP mesti tape gambar ini, tak percaya, tengok, mesti dia tape; tak percaya, tanya dia.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mintalah gulungkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak gulungkan.

Jadi, biarlah ada penyelarasan cerita di antara RTM1 dan TV3 itu, biar ada perancangan. Kadang-kadang anak dengan ayah berkelahi; anak tengok cerita ini, ayah hendak tengok cerita itu, jadi berkelahi. Kadang-kadang ayah hendak tengok rancangan agama, anak hendak tengok cerita Cowboy. Jadi, biar ada penyelarasan sedikit supaya jangan ada apa-apa.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan tambahan ini supaya ianya boleh memberi kebaikan kepada pengurusan dan juga pembangunan Kerajaan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan perkara-perkara yang telah dibentangkan di dalam Tambahan Belanjawan yang sedang kita bincangkan ini. Walaupun setengah-setengah daripadanya, khususnya pihak Pembangkang tidak mahu faham-faham tentang cara kita mengadakan perbincangan mengenai Tambahan Bekalan, barangkali ucapan-ucapan mereka sudahpun bertulis, maka itu hendak tukar tengah jalan sukar, khususnya kalau bukan ucapan itu datangnya daripada kita sendiri, barangkali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong semalam telah membangkitkan beberapa perkara. Satu daripadanya mengenai PERDA dan beliau kurang begitu

puas hati tentang perbelanjaan yang dipohon dan berharap ianya tidak disalahgunakan. Dan juga beliau menyangsi tentang mengapa wang yang diperlukan dipohon oleh pihak berkenaan. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong inginlah saya memaklumkan iaitu sebenarnya Kerajaan telah pun memberi peruntukan sebanyak lebih kurang \$150 juta kepada PERDA dalam tahun 1985 dan pada tahun 1985 juga Kerajaan telah memberi peruntukan seterusnya sebanyak \$31 juta untuk melaksanakan aktiviti pembangunan masyarakat di luar bandar. Untuk mencapai hasrat tersebut, PERDA telah merangka berbagai fungsi utama, termasuk di antaranya memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ataupun PERDA ini. Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan ini dan juga mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan di atas tadi. Jadi, kita harap dengan penerangan itu Yang Berhormat dari Kepong boleh berpuas hati.

Seterusnya juga, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut tentang pinjaman perumahan oleh pihak Kerajaan yang mana, mengikut beliau, pertambahan ini membazirkan sahaja. Sukalah saya memaklumkan bahawa peruntukan tambahan bagi peruntukan pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini sebenarnya sebelum daripada ini telah diperuntukkan hanya sebanyak \$10 sahaja sebagai "token", seperti yang tidak difaham-faham oleh Wakil dari Petaling tadi. Yang \$10 ini sebenarnya hanya sebagai "token" dan sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan perlu dibuat di dalam tahun berkenaan, maka sudah tentulah wang itu

terpaksa dipohon dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Maka itu, oleh sebab hanya peruntukan \$10 sahaja yang telah diberi di bawah tajuk ini dan di dalam tahun 1985 Bahagian Pinjaman Perumahan telah meluluskan sebanyak 23,890 permohonan pinjaman perumahan, maka wang sebanyak \$1,448.4 juta perlu diluluskan melalui tambahan yang kita sedang bincangkan ini. Daripada jumlah itu, sebanyak \$494.8 juta diperolehi daripada bayaran balik pinjaman oleh mereka yang membuat pinjaman-peinjaman sebelum daripada tahun ini yang kini membayar kembali kepada Kerajaan dan juga \$185.6 juta diperolehi dari pinjaman bank. Jadi, oleh sebab peruntukannya hanya \$10 sedangkan pinjaman perlu dibuat kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang layak ini, maka itulah kita memohon peruntukan sebanyak \$768 juta untuk tambahan ini.

Sebab-sebab selain daripada apa yang saya sebutkan tadi ialah juga sekarang ini "eligibility" ataupun hak yang dibolehkan seseorang pegawai meminjam wang untuk tujuan membeli rumah mengikut gred-gred tertentu, mengikut Division ataupun Bahagian masing-masing telah ditambah. Sebagai misalan, kalau dahulu seorang pegawai di dalam tingkatan tertentu hanya boleh meminjam sebanyak \$90,000 yang dibayar di dalam masa 15 tahun, sekarang ini pegawai berkenaan boleh meminjam sampai \$195,000 dan dibayar di dalam masa 25 tahun. Maka itu, ini bererti bahawa wang yang diperlukan kian.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa tambahan

elaun seperti ini begitu banyak daripada \$90,000 kepada \$195,000, lebih daripada 100%.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau \$10 peruntukan tanda hendak beri apa, itu tanda sahaja, dan seperti saya katakan tadi wang yang diperlukan ini adalah bagi membayar ataupun meminjamkan kepada sebanyak 23,890 permohonan pinjaman perumahan. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kalau sekiranya dahulu kita hanya memerlukan wang yang kurang sedikit oleh sebab pinjaman bagi tiap-tiap seorang itu tidak banyak, masanya dibayar agak singkat, sekarang ini pinjaman tiap-tiap orang itu diperbanyakkan lagi, juga masanya ditambah dari segi bilangan tahun untuk membayar. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting lagi ialah oleh sebab amaun kelayakan pinjaman bagi anggota-anggota polis yang berpangkat rendah ini bertambah sebanyak \$230 juta lebih dibelanjakan di dalam tahun 1985 jika dibandingkan dengan perbelanjaan dalam tahun 1984, maka itu perlu dipohon peruntukan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyebut tentang Jambatan Pulau Pinang, walau bagaimanapun saya tidak berhajat mengulas tentang perkara ini sebabnya sahabat saya wakil dari Tanjung telah memberi penerangan mengenai perkara ini sewaktu beliau juga membincangkan perkara ini tadi.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyebut tentang wang sejumlah \$35 juta untuk LPN. Sebenarnya, perkara ini tidak perlu saya tegaskan kerana dengan jelas ternyata di dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1986 yang mana telah dinyatakan di bawah B.33; tambahan sebanyak \$35 juta ini adalah dikehendaki sebagai pemberian

kepada Lembaga Padi dan beras Negara bagi menambah modal lembaga tersebut untuk membeli padi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyebut tentang hutang lapuk sebanyak \$94 juta yang mengikut beliau kini dialami oleh Bank Pertanian. Sukalah saya memaklumkan bahawa dalam menghadapi kutipan bayaran terkebelakangan ini, Bank Pertanian sebenarnya telah menyediakan satu strategi-strategi bagi meningkatkan kadar pengutipan terhadap peminjam yang dikeluarkan dan sebagai langkah utama untuk memastikan bahawa setiap sen yang dikeluarkan itu dibayar balik adalah melalui mengenalpasti setiap pinjaman dan mengkategorikan sebagai pinjaman berpotensi. Selain daripada itu juga mengubahsuaikan jadual pembayaran balik ataupun kalau sekiranya ini tidak dapat dibuat maka baharulah tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang tidak membayar hutang ini. Bagi pinjaman berpotensi, ini ditekankan penyeliaan ke atasnya dan akan digiatkan kerana baki kebelakangan bagi pinjaman-pinjaman berkenaan boleh dijelaskan oleh peminjam-peminjam sekiranya susulan penyeliaan dibuat dan jadual pembayaran balik yang ditetapkan dipatuhi sepebuhnya oleh peminjam-peminjam.

Bagi maksud pengubahsuaian jadual bayaran balik pula, pihak Bank akan berunding dengan peminjam sekiranya mereka menghadapi masalah dalam melaksanakan projek-projek mereka. Pengubahsuaian ini hanya dibuat sekiranya projek yang diusahakan masih tetap berjalan dan peminjam menghadapi masalah untuk membayar balik akibat kelancaran projek terganggu ataupun projek itu berjalan tidak seperti yang dirancangan. Kita harap, Tuan Yang

di-Pertua, dengan tindakan-tindakan ini hutang-hutang lapuk seperti yang disebutkan oleh wakil dari Kepong itu akan dapat diselesaikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung selain daripada menolong saya menjawab apa yang telah diperkatakan oleh pihak wakil dari Kepong yang mana saya amat berterima kasih, juga mahu senarai projek-projek pembangunan sebanyak \$2 billion ataupun \$2 ribu juta. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi saya menyenaraikan semua projek-projek yang diperlukan daripada wang peruntukan tambahan sebanyak \$2 ribu juta itu, tetapi kebanyakannya terdapat di dalam Kertas Perintah 12 Tahun 1986. Di dalam Kertas Perintah ini daripada muka 4 hingga 100 terdapat kebanyakan projek-projek yang telah disenaraikan di dalam Kertas itu untuk yang memerlukan perbelanjaan \$2 ribu juta ini. Tuan Yang di-Pertua.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Wakil dari Kepong minta jalan.

Dato Sabbaruddin Chik: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malangnya Yang Berhormat tidak dapat menyenaraikan projek yang besar yang memerlukan wang yang begitu banyak. Bolehkah Yang Berhormat menyebut daripada punca mana, daripada sumber wang mana, wang sebanyak ini diperolehi.

Dato Sabbaruddin Chik: Soalnya sekarang bukan daripada punca mana yang harus ditanya, sebenarnya tambahan sebanyak \$2 ribu juta ini kalau kita baca dalam B.30 Kertas Perintah 11 Tahun 1986 dinyatakan dengan amat terang di situ, Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$2 ribu juta ini dikehendaki untuk

dipindahkan kepada Kumpulan Pembangunan. Ertinya, daripada Consolidated Fund ini dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan.

Saya rasa Yang Berhormat dari Kepong kalau tidak faham, besok boleh datang ke pejabat saya, saya terangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai pemindahan ini dari Consolidated Fund kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Itu sahaja yang diperlukan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Boleh, kalau boleh ditetapkan satu masa, saya akan pergi. Tetapi walau bagaimanapun, kita di dalam Dewan yang mulia ini patutlah dengan secara kasarnya diberikan penerangan yang sesuai supaya semua ahli yang berminat dapat memahami apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Dato Sabbaruddin Chik: Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, secara kasarnya wang ini daripada Consolidated Fund dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan. Itu sahaja yang diperlukan. Itulah wang ini tidak tepat seperti yang lain-lain. Yang lain itu misalannya ada angka-angka yang agak tepat sedikit. Yang ini angkanya daripada yang diperlukan \$2 ribu juta, ertinya secara menyeluruh sahaja dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan. Yang dahulunya sudah ada \$1,000 juta, kita tambah lagi \$2,000 juta menjadi \$3,000 juta, semuanya di bawah Kumpulanwang Pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan, Yang Berhormat dari Tanjung juga menyebut tentang

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang memerlukan wang sebanyak \$1 juta lebih sedikit dan Yang Berhormat telah menyebut tentang kecekapan dan sebagainya. Seperti Tuan Yang di-Pertua sering mengulangkan bahawa sebenarnya yang diperlukan ini bukannya untuk lain tetapi untuk membeli alat komputer dan juga mesin penyalin. Walau bagaimanapun, tentang efficiency ataupun sikap pegawai-pegawai cara melayan orang awam dan sebagainya, saya percaya sudah tentu akan diteliti oleh kerana hujah-hujah yang telah dikemukakan, diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung tadi telah dicatat. Insya Allah, kita akan perbaiki lagi dari segi sikap pegawai-pegawai yang mana kurang senang pada waktu ini. Walau bagaimanapun, berbalik kepada tentang peruntukan sebanyak \$100,034,100.00 itu adalah untuk membiayai kos tambahan peralatan komputer dan juga mesin penyalin bagi menambah keupayaan komputer yang sedia ada di Suruhanjaya berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan tentang hutang negara yang mana mengikut beliau sekarang ini kita berhutang sebanyak \$80 juta, kata dia. Tetapi rasa saya bukan \$80 juta sebenarnya. Kalau tidak silap saya, \$60 billion lebih. Angka dia beri tidak berapa betul ataupun ini ditulis oleh orang lain, dia tidak baca sebelum datang ke mari. Hutang negara kita lebih kurang \$62 billion. \$20 billion lebih sedikit dari luar negeri, \$40 billion lebih sedikit daripada dalam negeri. Jadi, tidak ada yang hendak saya jawab tentang perkara itu, hanya hendak membetulkan angka-angka yang telah beliau sebutkan tadi.

Kemudian dia juga telah menyebut tentang reserve. Tuan Yang di-Pertua, reserve kita sekarang ini ada \$12.5 billion yang boleh menampung pengimportan sebanyak 5 bulan.

Hutang kita lebih daripada itu. Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kira dari segi angka reserve dibandingkan dengan hutang, memanglah kita lebih banyak hutang daripada reserve. Tetapi harus kita fikir, harus kita teliti bahawa hutang ini adalah sebenarnya untuk pembangunan yang mana hasil daripada projek-projek ataupun projek itu sendiri yang kita gunakan wang dari hutang tadi belum lagi dikira. Reserve \$12.5 juta ini adalah jumlah wang yang kita ada di luar negeri kepunyaan Kerajaan melalui Bank Negara. Jadi, kita tidak boleh hanya membandingkan reserve sebanyak \$12.5 billion ini dengan hutang yang kita ada. Hutang yang kita ada bukannya hutang untuk disimpan. Janganlah misalannya ada orang yang menyangka—tujuan barangkali Yang Berhormat dari Seremban ini hendak mengatakan bahawa kita lebih hutang daripada reserve, maka itu kita bankrap.

Saya hendak menerangkan kepada beliau bahawa ucapan-ucapan seperti ini kalau kita tidak terangkan, amat mengelirukan. Memanglah tujuan dia untuk mengelirukan orang, tetapi kita percaya orang ramai tidak terkeliru. Reserve ini lain dengan hutang. Ertinya hutang yang kita buat itu walaupun berjumlah lebih sedikit daripada \$20 billion daripada sumber-sumber luar negeri, tetapi semuanya wang itulah telah dibelanjakan untuk pembangunan. Sepatutnya kalau hendak kira harus nilaikan pembangunan-pembangunan yang kita buat melalui hutang ini dan campur lagi dengan reserve \$12.5 billion yang kita ada. Ertinya ini penerangan yang lebih tepat yang perlu kita beri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengira hutang ini, kita harus kira bahawa kita tidak dikehendaki membayar semua hutang itu pada satu tahun. Hutang yang kita

bayar bukan sebanyak \$60 billion ataupun \$70 billion ataupun \$80 billion, tetapi hanya sebahagian daripadanya tiap-tiap tahun, yang mana kita berupaya membayar sekarang ini. Maka itulah oleh sebab kita berupaya membayar, kita senang mendapat pinjaman-pinjaman daripada luar negeri, tidak seperti negara-negara lain yang mana kadangkala tidak berupaya membuat pinjaman. Kalau tidak silap saya, kita masih lagi di dalam kategori 2A. Ertinya kita senang membuat pinjaman-pinjaman luar negeri sebab kita sentiasa membayar hutang-hutang kita di dalam waktu yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu telah membangkitkan tentang Dasar Pertahanan Negara, yang mana memandangkan bahawa kita sebuah negara yang tidak begitu besar dan walaupun kita mempunyai pertahanan yang kuat, mungkin juga kita tidak berupaya mempertahankan, sekiranya kuasa-kuasa besar melanda kita.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan bahawa pertahanan yang kukuh bagi sesebuah negara seharusnya merupakan asas kepada kemakmuran dan kesejahteraan. Oleh itu peruntukan yang diberikan kepada pertahanan telah diambil kira supaya tidak menjejaskan kepentingan sosio-ekonomi negara kita. Kita sedar alat kelengkapan pertahanan kita adalah terhad bagi ancaman yang terbatasi sahaja. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa kita mesti bergantung kepada alat-alat kelengkapan yang lama, yang kuno; tetapi sepatutnya kita memerlukan alat-alat baru, alat-alat moden, sejajar dengan perkembangan pergolakan serantau. Kerajaan sedar keadaan ekonomi sekarang dan sentiasa mengkaji setiap peruntukan kepada semua Kementerian dari masa ke semasa. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertahanan Negara adalah untuk menghadapi ancaman

dari luar dan juga dari dalam. Perbelanjaan yang besar adalah diperlukan untuk mencapai matlamat ini. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang telah dan yang akan diambil untuk menjimatkan perbelanjaan akan sentiasa dipastikan. Kita tidak akan berbelanja dengan sewenang-wenangnya walaupun di dalam keperluan pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.